



# **E-PROSIDING**

## **SEMINAR PENYELIDIKAN PANTAS WILAYAH JOHOR**

# 2023

**ANJURAN:**

**UNIT PENYELIDIKAN INOVASI DAN KOMERSIALAN (UPIK) KKBP**

**UNIT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF KKBP**

**PUSAT PENYELIDIKAN INOVASI JPPKK**

# E-PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN PANTAS WILAYAH JOHOR 2023

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP)  
Jalan Ungku Abdul Aziz  
81930 Bandar Penawar  
Kota Tinggi, Johor  
Tel : 07-8225800  
Faks : 07-8224880

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP)

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP), Kementerian Pengajian Tinggi.

Edisi 2023

e ISBN 978-967-16495-5-8



Kolej Komuniti Bandar Penawar  
(*online*)

# ISI KANDUNGAN

<b>KATA ALUAN PENGARAH</b>	1
<b>AHLI JAWATANKUASA</b>	2
<b>TENTATIF PROGRAM</b>	3
<b>PANEL PENILAI KERTAS KAJIAN</b>	4
<b>KERTAS KAJIAN</b>	5
<b>KECENDERUNGAN PEMILIHAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022 DI SMK TAMAN KOTA JAYA: SATU KAJIAN TINJAUAN</b> Md Assri Bin Hashim, Herryanni Binti Abdullah	6 - 16
<b>PERSEPSI PELAJAR SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP) TERHADAP KEBERKESANAN PROGRAM <i>INSPIRE TALK</i> DI KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR</b> Salmianti Binti Mutalib, Sanuzee Binti Shafie, Azean Irdawaty Binti Mohamed Yusof	17 - 25
<b>KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN BERDASARKAN CIRI-CIRI PERSONALITI <i>BIG SIX</i> PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT, KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR CAWANGAN GELANG PATAH, JOHOR</b> Norhalmizan Binti Halim, Stella A/P Stevan, Masuria Binti Mohd Tahar	26 - 34
<b>KAJIAN KEPERLUAN SURAU UNTUK DINAIK TARAF MESRA OKU - TINJAUAN DI KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG</b> Saasobah @ Nor Adibah Ali, Hairul Anuar Bin Masrol, Tahir Bin Leemat	35 - 47
<b>TAHAP LITERASI KEWANGAN PELAJAR TEKNIKAL DI KOLEJ KOMUNITI BATU PAHAT</b> Noorhafizah Binti Rubaai, Nur Arifah Binti Muhammad	48 - 60
<b><i>TREND</i> PEMILIHAN TAJUK PROJEK AKHIR PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT DI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2</b> Nurul Shuhaila Hasma Binti Sharif, Norazila Binti Samuri, Siti Nurr Hidayah Binti Mohd Sanif	61 - 69
<b>PENGHARGAAN</b>	70
<b>EDITOR</b>	71

# Kata Aluan

# PENGARAH



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana Seminar Penyelidikan PANTAS (SPP) Wilayah Johor 2023 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan penulisan kajian SPP Wilayah Johor 2023 ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana dan para penulis kajian yang terlibat dalam penerbitan kajian ini. Terima kasih kepada rakan Kolaborasi SPP23 iaitu Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) dari Kolej Komuniti Pasir Gudang, UPIK Kolej Komuniti Batu Pahat dan UPIK Kolej Komuniti Segamat 2. Penerbitan kajian ini merupakan satu usaha dari UPIK yang terlibat dalam menggalakkan dan membudayakan usaha menulis kertas kajian yang dapat memperkasakan penyelidikan TVET, seperti yang digariskan dalam Teras Strategik ke-6: Membudayakan Penyelidikan Gunaan dan Inovasi seperti yang terkandung dalam Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK 2018-2025).

Tahniah sekali lagi kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) kerana telah berusaha memainkan peranan sebagaimana di universiti sebagai satu pusat kajian iaitu Research Management Center (RMC), untuk mendorong dan menggalakkan para pensyarah melakukan penyelidikan bagi menampakkan kemampuan pensyarah di negeri Johor Darul Takzim (JDT) dalam mengamalkan pengajaran berasaskan penyelidikan, sekaligus berpotensi memberi sumbangan signifikan dalam sistem penyelidikan di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Melalui pembudayaan penyelidikan ini, diharapkan dapat membantu melahirkan kumpulan pensyarah dari wilayah JDT yang berketerampilan dan berdaya saing untuk menulis dan menghasilkan kertas penyelidikan, disamping memupuk budaya kerja rajin menulis dan menyiapkan kertas penyelidikan di kalangan warga akademik POLYCC. Semuga usaha berterusan dari setiap warga institusi yang terlibat dapat menyumbang pencapaian institusi masing-masing seperti yang dituntut dalam KPI 13 PERSIST. Akhir kata, saya berharap agar penerbitan kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada mana-mana entiti bagi memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan.

**DR. ALI BIN SIS**

Pengarah Kolej Komuniti Bandar Penawar

# Ahli JAWATANKUASA

## PENASIHAT

DR. ALI BIN SIS

## PENGERUSI I

FAUZIAH BINTI JAAFFAR

## PENGERUSI II

SANUZEE BINTI SHAFIE

## PENGARAH PROGRAM

HERRYANNI BINTI ABDULLAH

## PENSYARAH PAKAR DALAMAN KERTAS KAJIAN

TS. DR. FAEIZAH BINTI MOHD LAJIM

## SETIAUSAHA

ROSILAWATI BINTI MASDAR

## BENDAHARI

SARATULL NOR NATASHA BINTI SAFRI

## PERSIAPAN TEMPAT

HAJI NAZIR BIN BAHARUDIN

## JEMPUTAN PENGULAS KERTAS KAJIAN

MD ASSRI BIN HASHIM

## PENERBITAN

ROSILAWATI BINTI MASDAR  
NORIDA BINTI NASIM

## HADIAH DAN SIJIL

AZEAN IRDAWATY BINTI MOHAMED YUSOF

## SIARAYA DAN KELENGKAPAN IT

NOR HASNI BINTI IDRIS  
NURRIDAYU BINTI HAIRI  
HURUL AIN BINTI YUSAINI  
MOHAMMAD IMRAN BIN MOHAMMAD ZAINI

## PENGACARA MAJLIS

HAJAH EDAYU BINTI MOHD YUSOF

# Tentatif PROGRAM

**TARIKH** : 14 OGOS 2023 (ISNIN)

**MASA** : 8.00 AM - 5.00 PM

**TEMPAT** : KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

MASA	PROGRAM / AKTIVITI
7.00 am – 8.00 am	Pendaftaran peserta program
<b>PEMBENTANGAN</b>	
8.00 am – 9.00 am	Sesi Pengenalan Peserta
9.00 am – 9.20 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan En Md Assri Bin Hashim (STP KKBP) & QA
9.20 am – 9.40 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Pn Stella A/P Stevan (STM KKBPCGP) & QA
9.40 am – 10.00 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Nurul Shuhaila Hasma Binti Sharif (KK Segamat 2) & QA
10.00 am – 10.30 am	MINUM PAGI
10.30 am – 10.50 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Saasobah @ Nor Adibah Binti Ali (KK Pasir Gudang) & QA
10.50 am – 11.10 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Noorhafizah binti Rubaai (KK Batu Pahat) & QA
11.10 am – 11.30 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Mohamad Haidhir Bin Asri (STM KKBPCGP) & QA
11.30 am – 11.50 am	Pembentangan Kertas Penyelidikan Nurul As'shikin Binti Ramli & QA
11.50 am – 12.10 pm	Pembentangan Kertas Penyelidikan Salmianti Mutalib & QA
12.10 pm – 1.00 pm	Pembetulan Kertas Penyelidikan
12.50 pm – 2.00 pm	REHAT (Solat, Makan Tengahari)
2.00 pm – 3.30 pm	Rumusan & Teguran panel
<b>MAJLIS PENUTUP DAN SESI PENYAMPAIAN HADIAH PADA PEMENANG</b>	
3.30 pm – 5.00 pm	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Ketibaan Pengarah KKBP</li><li>▪ Bacaan doa</li><li>▪ Ulasan Panel</li><li>▪ Ucapan perasmian penutup Seminar Penyelidikan PANTAS Wilayah Johor</li><li>▪ Penyampaian hadiah Pembentang Terbaik dan Kertas Penyelidikan Terbaik serta cenderahati kepada panel jemputan</li><li>▪ Jamuan</li><li>▪ Bersurai dan perjalanan pulang</li></ul>

# Panel Penilai **KERTAS KAJIAN**



**SR. TS. DR. NAZIRAH BINTI MOHAMAD ABDULLAH**  
**PENSYARAH KANAN**  
**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**



**DR. MUHAMMAD NAZRI BIN ABDUL HALIM**  
**KUPIK @ PENSYARAH UTAMA**  
**POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU**



*Kertas*  
**KAJIAN**

# KECENDERUNGAN PEMILIHAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022 DI SMK TAMAN KOTA JAYA: SATU KAJIAN TINJAUAN

Md Assri Bin Hashim<sup>1</sup>  
Herryanni Binti Abdullah<sup>1</sup>

Kolej Komuniti Bandar Penawar, Jalan Ungku Abdul Aziz, 81930 Bandar Penawar<sup>1</sup>

[assri@kbbpenawar.edu.my](mailto:assri@kbbpenawar.edu.my)  
[herryanni@kbbpenawar.edu.my](mailto:herryanni@kbbpenawar.edu.my)

## ABSTRAK

Semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang baik serta berterusan. Setelah mendapat pendidikan di sekolah rendah, menengah dan seterusnya ingin ke peringkat pengajian lebih tinggi adalah sudah menjadi keinginan semua orang. Satu kajian tinjauan telah dilakukan untuk mengenalpasti pemilihan Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihannya. Persampelan bagi kajian tinjauan ini meliputi calon-calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kota Jaya, Kota Tinggi Johor. Populasi kajian adalah seramai 62 orang pelajar. Kajian telah menunjukkan bahawa, responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kota Jaya cenderung memilih Universiti sebagai tempat pilihan menyambung pengajian iaitu sebanyak 36 peratus. Institusi yang menjadi pilihan kedua tertinggi ialah Kolej Komuniti dibawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu sebanyak 15 pilihan responden dengan peratus pilihan ialah 16.9 peratus. Lain-lain institusi iaitu Politeknik, Kolej-kolej Tajaan Mara, Kolej-kolej Kemahiran dan Institut Swasta masing-masing mendapat pilihan responden sebanyak 13 pilihan, 12 pilihan, 12 pilihan dan 3 pilihan, juga peratusan pilihan masing-masing dengan 14.6 peratus, 13.5 peratus, 13.5 peratus dan 5.6 peratus. 100 peratus responden telah memilih bahawa faktor keinginan diri sendiri, pilihan kerjaya pada masa hadapan dan keputusan SPM yang diperolehi merupakan perkara yang penting serta mempengaruhi pemilihan kemasukan ke IPT. Antara faktor lain ialah kehendak ibubapa, pengaruh rakan sebaya, aliran yang menarik dan peluang pekerjaan yang banyak. Pengkaji maklum bahawa dapatan kajian boleh membantu mana-mana IPT untuk bertindak dengan menarik minat para pelajar menyambung pengajian ke Institusi tersebut. Usaha mempromosi Institut Pengajian Tinggi boleh diperhebat secara terus bagi menyatakan keyakinan IPT kepada pelajar dan secara tidak langsung boleh menambah enrolmen ke institut-institut pilihan.

Katakunci: Pemilihan, Institut Pengajian Tinggi, Kecenderungan

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Setiap orang mempunyai impian dan keinginan dalam kehidupan, begitu juga impian untuk belajar ditempatkan yang sesuai dengan cita-cita diri dan keluarga. Pilihan melanjutkan pelajaran di institut-institut pengajian tinggi yang berprestij serta memberikan peluang pembelajaran sepanjang hayat yang baik adalah sangat-sangat diharapkan. Setiap tahun, keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan, perkara ini menjadi debaran kepada setiap calon dan ibubapa calon SPM. Waktu beginilah masa yang sesuai membuat pilihan menyambung pelajaran atau berkerja. Situasi begini akan

ada usaha-usaha daripada IPT sekitar menyampaikan risalah dan berita berkaitan program-program yang menarik dan ditawarkan oleh mereka. IPT tertentu akan mengiklankan serta menyampaikan promosi kemasukan dengan insentif-insentif menarik kepada bakal-bakal calon pelajar.

Pelajar semestinya dituntut oleh mantan guru-guru dan juga ibubapa untuk meneruskan pelajaran diwaktu usia muda (terutama lepasan SPM) iaitu baru berusia 18 tahun. Dalam ertikata lain, tiada istilah berbulan madu semasa peringkat awal dewasa. Kecenderungan untuk meneruskan pengajian diperingkat lebih tinggi sangat-sangat digalakkan untuk mengelakkan pembaziran masa usia muda. Walau apa pun pilihan calon-calon lepasan SPM, mereka sangat dituntut mencari aktiviti yang positif dan berfaedah, agar tidak merugikan usia dan bakat tersedia ada.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pemilihan ke institusi pengajian tinggi merupakan dilema awal calon-calon lepasan SPM. Banyak institusi pengajian tinggi mempunyai kelebihan serta sebaliknya berdasarkan faktor-faktor kursus yang ditawarkan, bayaran yuran yang kompetitif, elaun serta kemudahan yang diberikan serta lain-lain faktor. Bagi calon-calon SPM yang cemerlang, pilihan kemasukan mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah lebih cerah berbanding calon yang kurang cemerlang. Dari sinilah bermula usaha-usaha IPT untuk membantu mereka memilih program atau kursus yang bersesuaian dengan keputusan SPM.

Penyelidik kajian telah menyenaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan ke IPT, dengan demikian, akan ada usaha berterusan daripada IPT untuk meneruskan kefahaman kepada masyarakat, ibubapa dan pelajar akan pentingnya pendidikan tinggi untuk mendapatkan ruang dan peluang kerjaya dimasa hadapan, sudah semestinya demi kejahteraan keluarga dan masyarakat Malaysia.

Usaha yang berterusan terutama Kolej Komuniti Bandar Penawar dalam mencari calon pelajar dan memastikan para pelajar tidak ketinggalan dalam proses mendapatkan pendidikan tinggi telah diusahakan dari mula seawal pelajar tingkatan 4, seperti promosi skuad gegar 'Jom Masuk U' dan lain-lain. Usaha yang fokus dari awal hingga seterusnya menyebabkan pemilihan SMK Taman Kota Jaya dijadikan tempat data kajian diambil.

## 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk

- i. Mengenalpasti Institut Pengajian Tinggi yang dipilih selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia.
- ii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan Institut Pengajian Tinggi dikalangan pelajar SMK Taman Kota Jaya, Kota Tinggi Johor.

## 1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan pilihan-pilihan ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) kepada calon-calon peperiksaan SPM ambilan tahun 2022 di SMK Taman Kota Jaya. Pilihan-pilihan institusi yang ada juga berpandukan faktor-faktor tertentu. Perkara-perkara ini dinilai bagi mengetahui kecenderungan calon-calon SPM atau responden melalui pilihan yang telah dibuat.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Negara Malaysia mempunyai pelbagai pilihan melanjutkan pengajian tinggi samada di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Pelbagai jenis kursus dalam bentuk kemahiran mahupun akademik ditawarkan, sehingga satu masa kesemua IPTS dan IPTA ini saling bersaing untuk mendapatkan perhatian para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menyambung pengajian mereka di institusi masing-masing.

### 2.1 Faktor Kehendak Ibu Bapa / Penjaga

Kebiasaannya para pelajar ini juga dari bangku sekolah telah dipimpin oleh ibu bapa mahupun guru-guru untuk menyenaraikan IPTA dan IPTS yang boleh menjadikan impian mereka untuk sambung pengajian ke peringkat lebih tinggi tercapai (Idrus dan Zaharuddin, 2001). Aspirasi dan harapan ibu bapa terhadap kejayaan hidup anak-anak pada masa hadapan membantu membimbing anak-anak ini membuat keputusan terbaik, pilihan IPT yang bersesuaian untuk mereka sambung pengajian setelah tamat SPM. Usaha ibu bapa melalui pelbagai pendekatan bagi menunjukkan keprihatinan dan kasih sayang kepada anak-anak mereka juga, pemudahcara anak-anak membuat keputusan terbaik, tanpa perlu tertekan dengan pilihan pengajian yang tidak direstui ibu bapa.

### 2.2 Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Senario pilihan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang melibatkan penekanan pada bahagian akademik yang tinggi selalu menjadi pilihan pelajar-pelajar cemerlang SPM. Sementara IPT yang menekankan kursus kemahiran pula selalu menjadi pilihan utama para pelajar lepasan SPM yang kurang cemerlang akademik namun tetap ingin sambung pengajian mereka. Jika berbicara tentang isu ini, pastinya sumber maklumat dan pengaruh rakan sebaya antara faktor yang menyumbang keputusan pemilihan IPT oleh kumpulan para pelajar ini. Meskipun kadangkala sumber maklumat yang diterima oleh rakan sebaya ini tidak relevan, kerana kurang membuat kajian terhadap IPT yang dipilih, namun pengaruh kuat dari rakan-rakan sebaya ini, tetap menjadi pilihan kecenderungan IPT yang dipilih oleh pelajar sehingga kadangkala memberi kesan seperti salah memilih IPT dan program yang tidak diminati, malah lebih teruk lagi, para pelajar ini, menghadapi masalah di pertengahan semester kerana tidak dapat meneruskan pengajian atas pelbagai faktor yang tidak dapat diselesaikan (Zamri dan Razak, 2013). Menurut Zuraidah (2006), semasa proses pembesaran remaja, pengaruh ibu bapa semakin berkurangan terhadap diri remaja dan mereka lebih banyak bergantung kepada rakan sebaya dalam membentuk nilai-nilai hidup, peribadi serta kefahaman diri masing-masing, meskipun membesar dalam keluarga yang berlatarbelakang akademik tinggi, rakan-rakan sebaya tetap dianggap ikon untuk mereka contohi.

### 2.3 Faktor Pilihan Kerjaya dan Peluang Pekerjaan Yang Banyak

Pilihan kerjaya pada masa hadapan melalui pelbagai hebahan info antara faktor yang menentukan kecenderungan IPT yang dipilih oleh pelajar. Pernyataan ini disokong oleh Semenik (2002) yang menyatakan bahawa promosi adalah medium pemasaran yang mampu mempengaruhi seseorang individu cenderung memilih jenama sesuatu produk atau perkhidmatan. Bagi kumpulan pelajar yang sambung pengajian di IPT ini, mereka sentiasa menjangkakan peluang pekerjaan juga boleh hadir dalam pelbagai pilihan, dengan tawaran gaji yang lumayan bergantung pada jenis sijil yang dimiliki, malahan ramai pelajar beranggapan apabila menamatkan pengajian di sekolah, menyambung pengajian dalam

bidang-bidang tertentu adalah jaminan untuk mereka mendapatkan kerjaya yang diidamkan dengan gaji yang lumayan, meskipun hanya menamatkan sijil kemahiran apatah lagi jika tamat pengajian tertinggi sehingga ke PhD.

#### 2.4 Faktor Minat dan Kehendak Diri Sendiri

Minat juga boleh dikategorikan sebagai kecenderungan seseorang terhadap sesuatu. Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Azly (2000) mendapati minat menentukan pembentukan awal kerjaya pelajar. Pilihan IPT mana yang bersesuaian dengan minat mereka akan jadi faktor pendorong memudahkan para pelajar ini, menyasarkan IPT mana yang sesuai dengan minat mereka, namun tetap mengambil kira juga keputusan SPM yang diperolehi. Oleh sebab itu, para pelajar yang memiliki keputusan cemerlang SPM akan lebih mudah memilih IPT yang menawarkan program-program yang mereka minat untuk mereka sambung pengajian berbanding para pelajar yang kurang cemerlang akademik, yang agak terhad pilihan program untuk mereka sambung, kecuali mereka dari keluarga yang berpendapatan tinggi, boleh menyambung pengajian di mana-mana IPT tanpa memikirkan keputusan SPM yang diperolehi.

#### 2.5 Keputusan SPM yang Diperolehi

Keputusan SPM yang diperolehi tetap menjadi penentu ukur kemampuan diri pelajar, agar mereka tidak tersilap dalam memilih IPT dan program pengajian yang hendak dipilih. Dorongan dan rangsangan semata-mata tidak mencukupi bagi pelajar-pelajar dalam menimba ilmu. Kesediaan para pelajar untuk berubah kesan dari keputusan SPM yang tidak menggembarakan semua pihak khususnya diri pelajar itu sendiri, adalah permulaan yang baik dalam menentukan IPT mana yang harus dipilih, selagi minat untuk belajar masih bersisa di hati tanpa perlu menoleh kebelakang memikirkan masa lampau, sebaliknya terus memandang masa hadapan. Bagi yang memperolehi keputusan SPM yang cemerlang, teruslah melangkah sehabis baik tanpa mendongak kelangit kerana zaman belajar di IPT adalah tidak sama langsung dengan zaman belajar di sekolah. Penyambung pengajian di IPT menuntut pelbagai persiapan mental dan fizikal, ini kerana perjalanan pengajian di IPT sama sekali tidak sama dengan gaya pembelajaran di sekolah menengah. Jika di sekolah, guru terikat dengan peraturan sekolah tetapi di IPT pelajar perlu bijak menguruskan pengajian mereka berpandukan kesesuaian jam kredit yang diambil (Shahri, 2004)

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk sesebuah kajian adalah penting dalam dunia penyelidikan, hasil kajian adalah ditentukan oleh kaedah dan reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian yang diaplikasikan adalah berbentuk kajian tinjauan. Kajian ini merupakan satu kajian awal yang menggunakan kaedah soal selidik bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan kecenderungan pemilihan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan Institusi Pengajian Tinggi dalam kalangan pelajar, iaitu calon lepasan SPM tahun 2022. Data yang diperolehi adalah melalui borang soal selidik diedar secara fizikal dan *google form* (soal selidik secara maya)

### 3.2 Populasi dan Pensampelan Kajian

Persampelan bagi kajian tinjauan ini meliputi calon-calon lepasan SPM tahun 2022 yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kota Jaya, Kota Tinggi Johor. Populasi kajian adalah seramai 62 orang pelajar dan diambil secara rawak. Pertemuan dengan responden-responden kajian adalah semasa program pengumuman rasmi keputusan SPM di SMK Taman Kota Jaya. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengambil maklumat secara rawak daripada calon-calon SPM lelaki dan perempuan, pelbagai bangsa serta aliran (aliran semasa mengambil peperiksaan SPM).

### 3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik. Terdapat borang soal selidik secara fizikal dan *google form* diberikan. Menurut Tuckman W.B (1978), kaedah soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item soalan yang konsisten dan boleh dipercayai. Maklumat yang diberikan adalah sulit serta tidak mempunyai rekod nama pada borang soal selidik. Dengan demikian, responden boleh menjawab dengan jujur dan benar.

Borang soal selidik di reka bentuk berdasarkan objektif kajian. Maklumat yang diminta adalah jantina, bangsa, jurusan, pilihan institusi pengajian tinggi serta faktor-faktor pemilihannya. Faktor-faktor pemilihan institusi pengajian tinggi perlu dijawab Ya atau Tidak dipetak yang disediakan bagi menunjukkan persetujuan responden terhadap pernyataan yang diberikan.

### 3.4 Analisis Data

Data mentah yang diperolehi direkod didalam perisian Microsoft Excel 2016 dan seterusnya dianalisis sesuai dengan objektif kajian. Analisis deskriptif dan inferansi dilakukan bagi menganalisis data berbentuk kekerapan serta peratusan.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Taburan Responden

Hasil dapatan yang diperolehi, bilangan dan peratus responden mengikut jantina dan bangsa ditunjukkan sebagaimana Jadual 1.

Jadual 1: Taburan bilangan responden mengikut jantina dan bangsa

Bil	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1.	<b>Jantina</b>		
	Lelaki	20	32.3
	Perempuan	42	67.7
	<b>Jumlah</b>	<b>62</b>	<b>100</b>
2.	<b>Bangsa</b>		
	Melayu	54	87.1
	Cina	6	9.7
	India	2	3.2
	<b>Jumlah</b>	<b>62</b>	<b>100</b>

Dalam jadual 1 diatas menunjukkan taburan bilangan kekerapan dan peratus responden mengikut jantina serta bangsa. Seramai 62 orang responden direkodkan dengan jumlah tersebut didapati seramai 20 orang dengan 32.3 peratus terdiri daripada lelaki dan 42 orang dengan peratusan 67.7 peratus adalah terdiri daripada responden perempuan. Bilangan responden mengikut bangsa pula menunjukkan bangsa melayu mempunyai kekerapan 54 orang dengan peratusan 87.1 peratus, bangsa Cina dan India masing-masing mempunyai kekerapan 6 orang dan 2 orang, dengan peratusan 9.7 peratus dan 3.2 peratus.

#### 4.2 Jurusan di Peringkat Sijil Pelajaran Malaysia

Dapatan kajian mendapati, responden mempunyai pelbagai aliran atau jurusan semasa menuntut di sekolah, antara jurusan yang diambil ialah perniagaan, akaun, sains, sains sukan dan pendidikan seni visual (PSV). Rajah 1 dibawah menunjukkan bilangan responden yang mengambil aliran atau jurusan



Rajah 1: Aliran yang diambil semasa Sijil Pelajaran Malaysia

Peratus responden dari aliran Perniagaan ialah 30.6 peratus, aliran Akaun ialah 14.5 peratus, manakala peratus aliran sains, sains sukan dan PSV masing-masing ialah 22.6 peratus, 21 peratus dan 11.3 peratus. Peratus tertinggi responden adalah daripada jurusan Perniagaan.

#### 4.3 Kecenderungan Pilihan Institut Pengajian Tinggi


Kajian telah menunjukkan bahawa, responden di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kota Jaya cenderung memilih Universiti sebagai tempat pilihan menyambung pengajian iaitu sebanyak 32 responden dengan peratus pilihan 36 peratus. Ini ditunjukkan sebagaimana rajah 2 dibawah.



**Rajah 2:** Institut pilihan calon-calon SPM 2022

Institusi yang menjadi pilihan kedua tertinggi ialah Kolej Komuniti dibawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu sebanyak 15 pilihan responden dengan peratus pilihan ialah 16.9 peratus. Lain-lain institusi iaitu Politeknik, Kolej-kolej Tajaan Mara, Kolej-kolej Kemahiran dan Institut Swasta masing-masing mendapat pilihan responden sebanyak 13 pilihan, 12 pilihan, 12 pilihan dan 3 pilihan, juga peratusan pilihan masing-masing dengan 14.6 peratus, 13.5 peratus, 13.5 peratus dan 5.6 peratus.

Berdasarkan rajah 3, kecenderungan pemilihan IPT mengikut jantina menunjukkan bahawa Universiti telah dipilih oleh responden perempuan sebanyak 28 pemilih berbanding 4 pemilih sahaja oleh responden lelaki. Politeknik telah mendapat pilihan 8 responden perempuan berbanding 5 responden lelaki. 8 orang responden perempuan telah memilih Kolej Komuniti berbanding 7 responden oleh lelaki. Bagi Kolej-Kolej tajaan Mara, 10 responden perempuan telah memberikan memilih, manakala responden lelaki pula hanya 2 pemilih sahaja. Bagi Kolej Kemahiran, responden perempuan dan lelaki masing-masing telah memilih iaitu 10 dan 2 pemilih. Bagi IPT Swasta, tiada responden lelaki yang memilih, hanya 5 orang perempuan telah memilihnya untuk meneruskan pengajian lebih tinggi.




**Rajah 3:** Pemilihan IPT mengikut Jantina

Berdasarkan rajah 4, carta bar menunjukkan responden berbangsa melayu telah memilih semua senarai IPT yang dicadangkan iaitu Universiti, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Tajaan Mara, IPT Swasta dan Kolej Kemahiran dengan kekerapan pilihan masing-masing iaitu 27, 10, 15, 12, 4 dan 11. Bagi responden berbangsa cina, mereka telah memilih 4 sahaja senarai IPT iaitu Universiti, Politeknik, IPT Swasta dan Kolej Kemahiran dengan kekerapan pilihan masing-masing ialah 3, 3, 1 dan 1. Bagi responden berbangsa India, mereka hanya memilih Universiti sebagai destinasi IPT iaitu sebanyak 2 orang memilih.



**Rajah 4:** Pemilihan IPT mengikut Bangsa

Berdasarkan rajah 5, kecenderungan calon-calon SPM tahun 2022 untuk memilih senarai IPT mengikut aliran. Dari aliran Perniagaan, sebanyak 38.2 peratus kekerapan telah memilih kemasukan IPT (semua yang disenaraikan). Calon-calon SPM dari aliran Sains mempunyai peratus kekerapan kedua tertinggi memilih kemasukan IPT iaitu sebanyak 25.8 peratus. Lain-lain aliran iaitu Sains Sukan, Akaun dan Pendidikan Seni Visual masing-masing mempunyai peratus kekerapan memilih sebanyak 16.9 peratus, 11.2 peratus dan 7.9 peratus.



Rajah 5: Pemilihan IPT mengikut Aliran semasa SPM

#### 4.4 Faktor-faktor Pemilihan Institut Pengajian Tinggi

Merujuk kepada analisis yang dibuat, beberapa faktor-faktor pemilihan ke IPT yang juga pemilihan untuk meneruskan kelangsungan pelajaran adalah seperti mana ditunjukkan dalam rajah 6. Faktor pemilihan ini ditunjukkan secara graf berpola, bagi mengetahui maklum balas responden, hanya jawapan ya atau tidak perlu diisi didalam borang soal selidik yang diberikan. 100 peratus responden memberikan maklum balas Ya kepada faktor keinginan diri sendiri untuk pemilihan IPT. Kehendak ibubapa atau penjaga adalah sebahagian daripada faktor pemilihan IPT, pelajar dan ibubapa merupakan individu yang rapat serta saling memerlukan. Daripada soal selidik ini didapati, 48.4 peratus responden membuat pemilihan IPT berdasarkan kehendak ibubapa penjaga, manakala 51.6 peratus bukan keinginan ibubapa penjaga.

Pelajar-pelajar di zaman persekolahan sentiasa terdedah kepada aktiviti yang dipengaruhi rakan-rakan sebaya. Juga tidak dinafikan, keinginan sambung belajar juga boleh dipengaruhi rakan sebaya. Menurut kajian ini, didapati terdapat 38.7 peratus pemilihan IPT dipengaruhi oleh faktor pengaruh rakan sebaya, manakala 61.3 peratus bersetuju untuk mengatakan Tidak kepada pengaruh rakan sebaya semasa pemilihan ke IPT.

Responden telah bersetuju 98.4 peratus menyatakan bahawa faktor aliran yang menarik dan peluang pekerjaan yang banyak mendorong pemilihan ke IPT ini. Hanya 1.6 peratus atau 1 orang responden memberikan maklum balas sebaliknya.

Hasil dapatan kajian, 100 peratus responden telah memilih bahawa faktor pilihan kerjaya pada masa hadapan merupakan antara perkara-perkara yang penting serta mempengaruhi pemilihan kemasukan ke IPT. Responden juga telah bersetuju 100 peratus bahawa faktor memilih kemasukan ke IPT adalah berdasarkan keputusan SPM yang diperolehi. Ini sudah tentu sangat mempengaruhi kemasukan IPT. Jika seseorang itu cemerlang SPM, maka potensi diterima masuk belajar dari mana-mana IPT adalah sangat cerah dan tinggi berbanding pelajar yang mempunyai keputusan sekadar lulus.



Rajah 6: Pola Kecenderungan Pemilihan IPT

## 5.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kajian tinjauan yang dijalankan terhadap 62 calon-calon SPM tahun 2022 di SMK Taman Kota Jaya, didapati bahawa calon-calon pelajar mempunyai keinginan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi atau sesuai. Responden mempunyai rasa tanggungjawab meneruskan pengajian atas kehendak diri sendiri. Pengkaji maklum, walaupun sebahagian daripada mereka telah memperolehi keputusan yang kurang memuaskan, pilihan menyambung pengajian di IPT masih memihak kepada mereka.

Daripada data ini juga, ianya amat membantu pengkaji mengetahui peratus terbesar faktor pemilihan ke Institut Pengajian Tinggi. Pengkaji maklum bahawa dapatan kajian boleh membantu mana-mana IPT untuk bertindak dengan menarik minat para pelajar menyambung pengajian ke Institusi tersebut. Usaha mempromosi Institut Pengajian Tinggi boleh diperhebat secara terus bagi menyatakan keyakinan IPT kepada pelajar dan secara tidak langsung boleh menambah enrolmen ke institut-institut pilihan.

## RUJUKAN

- Idrus, & Zaharuddin, A. (2001). *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti: Transformasi & Cabaran UTM*. Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru. Retrived From <http://www.penerbit.utm.my/cgi-bin/katalog/buku.cg>.
- Mohd Azly (2000). *Persepsi Pelajar SMT Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Bahasa Inggeris*. Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Raja Liyana, RZ & Norasmah Othman (2023). Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek dan Minat Murid Terhadap Subjek Perniagaan. *Jurnal Dunia Pendidikan* (14-25)
- Semenik J.S 2002. *Promotion & Integrated Marketing Communication*. Australia: South\_Western/Thomsan Learning.
- Shahri, A. A. (2004). *Faktor Pengaruh Pemasaran Di Ipts Malaysia: Satu Pandangan*.Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tuckman W.B. (1978). *“Conducting Educational Research”*. New York: Harcourt Bruce Javanovich.
- Zamri, A., & Razak, N. (2013). Assessing Factors Influencing Students Choice of Malaysian Public University: *A Rasch Model Analysis*, 3(1). 19-24.
- Zuraidah A. (2006). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Dalam Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah : Satu Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Guntong Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Manir, Kuala Terengganu, Terengganu*. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

## PERSEPSI PELAJAR SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN (SPP) TERHADAP KEBERKESANAN PROGRAM *INSPIRE TALK* DI KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

Salmianti binti Mutalib<sup>1</sup>  
Azean Irdawaty binti Mohamed Yusof<sup>1</sup>  
Sanuzee binti Shafie<sup>1</sup>

Kolej Komuniti Bandar Penawar<sup>1</sup>  
[salmianti@kkbpenawar.edu.my](mailto:salmianti@kkbpenawar.edu.my)  
[azean@kkbpenawar.edu.my](mailto:azean@kkbpenawar.edu.my)  
[sanuzee@kkbpenawar.edu.my](mailto:sanuzee@kkbpenawar.edu.my)

### Abstrak

Pembangunan sesebuah institusi pengajian tinggi amat berkait rapat dengan sokongan dan sumbangan daripada alumni. Melalui hubungan yang erat di antara alumni dengan institusi, ia dapat memberi faedah yang amat bermakna dalam memperkayakan pengalaman pelajar semasa berada di institusi tersebut. Perkongsian pengalaman alumni ini wajar disampaikan kepada pelajar kerana setiap alumni melalui pengalaman yang unik dan berbeza. Program *Inspire Talk* merupakan sebuah program bual bicara bersama alumni yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar mengenai bidang pendidikan, kerjaya dan keusahawanan yang telah diceburi oleh alumni. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat keberkesanan program *Inspire Talk* secara keseluruhan dari persepsi pelajar program Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) Kolej Komuniti Bandar Penawar khususnya. Pengumpulan data dibuat dengan mengedarkan soal selidik secara atas talian kepada 38 orang responden. Responden kajian merupakan pelajar program SPP yang terdiri daripada semua pelajar semester 1 hingga semester 3 bagi Sesi I 2022/2023. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences for Window Version (SPSS)* dan dilaporkan secara deskriptif dalam bentuk frekuensi, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan skor min keseluruhan tertinggi bagi aspek keberkesanan program dengan nilai 3.54 dan berada pada tahap skor min yang tinggi. Kesimpulannya, program *Inspire Talk* ini berkesan dari persepsi pelajar SPP di Kolej Komuniti Bandar Penawar.

**Kata Kunci:** Alumni, Persepsi, Program *Inspire Talk*, Pelajar Program Sijil Pengoperasian Perniagaan

### 1.0 PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG

Pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melahirkan modal insan dan tenaga kerja yang berdaya saing selain untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Malaysia. Antara inisiatif dalam pelaksanaan keseluruhan strategi adalah melalui kerjasama daripada pelbagai pihak yang terdiri daripada industri, komuniti/NGO, alumni dan kementerian/agensi. Melalui kerjasama ini semua pihak akan memberikan sumbangan dan menerima manfaat masing-masing (Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021–2025, KPT). Alumni sebagai salah seorang rakan strategik memberi sumbangan melalui perkongsian ilmu dan pengalaman kepada pelajar dan pengurusan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Peranan alumni ini adalah sangat penting dari segi perancangan aktiviti

kebolehpasaran graduan terutamanya berkaitan peluang pekerjaan dalam pasaran kerja negara dan global.

Keterlibatan pihak alumni IPT secara lebih bersepadu juga mampu melonjakkan keterserlahan sesebuah IPT. Berdasarkan kepada inisiatif 3 Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 bagi strategi empat telah menggariskan aktiviti-aktiviti yang mampu memperkasakan penglibatan alumni dalam menonjolkan IPT masing-masing adalah seperti *Alumni@Work Chat* yang merupakan program perkongsian pengalaman alumni bersama pelajar bagi membantu pemulihan kerjaya serta panduan sebelum ke alam pekerjaan.

Strategi memperkukuh kolaborasi diantara industri, komuniti dan alumni turut dinyatakan dalam teras yang ke-5 bagi *Key Performance Indicator (KPI) 2022* dalam Kamus Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Di dalam teras ini terdapat pernyataan KPI yang menyatakan bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni. Penglibatan sumbangan dari alumni secara alma mater kepada pelajar, institusi dan komuniti dibuat dari aspek; pembangunan kemahiran seperti kewujudan peluang pekerjaan, khidmat panel penasihat, latihan, kebajikan, kerohanian, motivasi kaunseling (mentor mentee) dan membantu promosi ambilan pelajar serta dana sumbangan (*endowment*). Ianya adalah bertujuan untuk menyokong peningkatan kebolehpasaran pelajar melalui data dan ikon alumni. (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022).

Justeru itu, Program Sijil Pengoperasian Perniagaan (SPP) Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan program *Inspire Talk* untuk bergerak seiring dengan perancangan oleh pihak KPT. Program SPP telah melahirkan alumni yang berjaya dalam kerjaya masing-masing. Mereka kini bekerja dalam pelbagai bidang yang mana pengalaman dan cabaran yang mereka hadapi untuk mencapai kejayaan tersebut sebenarnya amat berguna jika dapat dikongsikan kepada para pelajar SPP yang masih menuntut.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Semua pihak di IPT bertanggungjawab dalam pelaksanaan agenda kebolehpasaran graduan secara holistik berasaskan kepada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 – 2025 sebagai rujukan utama. Alumni merupakan salah seorang dari rakan strategik dalam meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan sama ada dalam keusahawanan ataupun peluang kerjaya yang berkaitan. Program SPP Kolej Komuniti Bandar Penawar (KKBP) turut mengambil langkah melaksanakan aktiviti kebolehpasaran graduan melalui penganjuran Program *Inspire Talk*. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelajar mengenai bidang pendidikan, kerjaya dan keusahawanan yang telah diceburi oleh alumni. Program berbentuk bual bicara ini diadakan sebagai platform untuk meluaskan lagi pengetahuan serta memberi motivasi kepada pelajar dan seterusnya menggalakkan mereka untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta membina kerjaya dalam bidang dan peluang perniagaan sebagai usahawan bagi membantu meningkatkan ekonomi diri dan negara.

Berdasarkan dapatan kajian pengesanan graduan Kolej Komuniti Bandar Penawar pada tahun 2022 mendapati bahawa terdapat peratusan ketidaksepadanan pekerjaan dalam kalangan graduan program SPP iaitu sebanyak 22.2%. Peratusan ini menunjukkan peningkatan berbanding dengan dapatan bagi tahun 2021 dengan nilai sebanyak 8.3%. Ini menunjukkan bahawa wujudnya jurang kerana graduan SPP masih lagi tidak memahami dengan haluan kerjaya terbaik setelah tamat pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh faktor kurangnya pengetahuan

dan kesediaan graduan untuk memahami dunia pekerjaan. Menurut Gysbers (2013), pengetahuan dan kesedaran dalam aspek kerjaya amat penting dalam membantu mereka untuk memahami diri, meneroka diri dan peluang-peluang pasaran kerja dengan mengikuti program kerjaya. Sehubungan itu, program *Inspire Talk* ini merupakan satu inisiatif dalam proses membimbing pelajar program SPP dalam menentukan arah dan matlamat kerjaya setelah tamat pengajian. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti keberkesanan program tersebut.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut

1. Menenalpasti persepsi pelajar SPP terhadap *Program Inspire Talk*.
2. Menenalpasti haluan kerjaya pelajar SPP selepas tamat pengajian

### 1.4 SOALAN KAJIAN

Terdapat dua persoalan utama kajian ini iaitu;

1. Apakah persepsi pelajar SPP terhadap *Program Inspire Talk*?
2. Apakah haluan kerjaya pelajar SPP selepas tamat pengajian?

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005) alumni bermaksud siswazah atau lepasan sesebuah institusi pembelajaran. Manakala Ensiklopedia Sains Sosial pula mentakrifkan alumni sebagai sesiapa sahaja yang pernah menuntut di sesebuah institusi pendidikan dimana terikat dengan tanggungjawab terhadap institusi kerana membawa nama institusi tersebut (UMS, 2015).

Sumbangan alumni sama ada dan melalui pengalaman atau kepakaran akan dapat menyokong dan membantu dalam mengekalkan dan mengembangkan pembangunan sesebuah politeknik atau kolej komuniti (Sinar Harian, 2019). Penglibatan alumni di dalam Program *Inspire Talk* dilihat sebagai *role model* iaitu mentor kerjaya dalam memberi khidmat nasihat dan perkongsian tentang peluang pekerjaan yang boleh diceburi oleh pelajar. Alumni juga boleh dijadikan sebagai pakar rujuk kepada institusi bagi menenalpasti keperluan pelajar dan graduan untuk memposisikan diri dalam bidang kerjaya tertentu. Melalui perkongsian pengalaman alumni kepada pelajar dilihat lebih efektif sebagai bimbingan dan inspirasi sama ada dalam pembangunan disiplin atau pengurusan kerjaya.

Pemilihan haluan kerjaya selepas tamat pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar bagi pelajar-pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan merupakan suatu perkara yang sangat penting dan perlu dititikberatkan bagi memastikan perjalanan masa hadapan yang lebih baik. Kerjaya yang dipilih perlulah bersesuaian dengan kehendak sendiri dan keperluan industri. Menurut Haziqah (2017), kurangnya perancangan pemilihan haluan kerjaya ini boleh menyebabkan kerjaya seseorang individu itu tidak menjadi seperti yang diharapkan atau gagal.

Sehubungan itu perancangan kerjaya bagi seorang bakal graduan haruslah dibentuk ketika pelajar masih mengikuti kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi. Ini selari dengan V.Sivakumar (2023) yang menyatakan pelajar di negara ini perlu mendapatkan pendedahan awal mengenai hala tuju dan peluang kerjaya yang boleh diceburi berdasarkan minat serta keupayaan masing-masing di samping dapat

menyumbang kepada pembangunan negara. Melalui pendedahan tersebut, dapat membantu pelajar lebih bersedia dalam proses perancangan kerjaya yang telah dirangka. Bagi pelajar-pelajar yang mengikuti program SPP di Kolej Komuniti Bandar Penawar, secara amnya terdapat tiga peluang kerjaya selepas menamatkan pengajian iaitu menyambung pengajian, bekerja dalam bidang dan menjadi usahawan.

Namun yang menjadi permasalahan bagi pelajar ketika peringkat pengajian mereka ialah masih tidak jelas mengenai haluan kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka atas faktor kurangnya pengetahuan, pemahaman serta penunjuk arah matlamat kerjaya. Justeru, suatu inisiatif perlu dibuat bagi memberi kefahaman dan penunjuk arah kepada pelajar untuk menilai sendiri kemampuan mereka dalam menetapkan hala tuju dan seterusnya dapat membimbing pelajar memilih hala tuju yang tepat selepas bergelar graduan. Pelaksanaan Program *Inspire Talk* dengan penglibatan lima (5) orang alumni SPP yang berjaya adalah merupakan inisiatif yang bertujuan untuk memberi pemahaman dan gambaran sebenar kepada pelajar mengenai hala tuju kerjaya dan lebih bersedia selepas pelajar SPP menamatkan pangajian di KKBP.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Tinjauan dibuat secara dalam talian untuk memudahkan proses pengumpulan data. Kajian tinjauan dilakukan terhadap pelajar Program Sijil Pengoperasian Perniagaan di Kolej Komuniti Bandar Penawar.

#### 3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Persampelan kajian ini adalah berbentuk persampelan bertujuan terhadap semua peserta Program *Inspire Talk*. Responden terdiri daripada 38 orang pelajar Program Sijil Pengoperasian Perniagaan bagi Sesi I 2022/2023. Menurut Sekaran (2003) bagi mendapatkan maklumat yang tepat, ukuran saiz sampel 30 hingga 500 responden adalah mencukupi.

#### 3.3 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik yang diadaptasi dari Muhammad Huzairah Mohd Anuar et.al (2022) dan telah disesuaikan mengikut keperluan kajian. Item dalam soal selidik ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian. Taburan item soal selidik diringkaskan seperti didalam Jadual 1 berikut:-

Jadual 1: Taburan Item Soal Selidik

BAHAGIAN	MAKLUMAT	BILANGAN ITEM
A	Demografi responden	4
B	Kandungan program	5
C	Keberkesanan program	5
D	Penetapan hala tuju	4

Instrumen kajian ini diukur menggunakan Skala Likert empat mata untuk melihat tahap persetujuan responden bagi setiap item. Jadual 2 menunjukkan Skala Likert empat mata yang digunakan.

**Jadual 2: Skala Likert empat mata yang digunakan dalam instrumen**

Skala	Peringkat
1	Sangat Tidak Setuju (STS)
2	Tidak Setuju (TS)
3	Setuju (S)
4	Sangat Setuju (SS)

Soal selidik diedarkan secara atas talian kepada responden menggunakan aplikasi *Google Form* melalui medium *whatsapp* dan *telegram*.

### 3.4 Analisis Data

Data kajian diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Sciences For Window Version* (SPSS) secara deskriptif dalam bentuk frekuensi, peratus dan skor min. Analisis skor min yang diperoleh akan diinterpretasikan berdasarkan skala likert empat mata (Riduwan, 2012) seperti dalam Jadual 3 berikut:-

**Jadual 3: Interpretasi skor min skala likert empat mata**

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 1.50	Kurang kaitan
1.51 – 2.50	Rendah
2.51 – 3.50	Sederhana
3.51 – 4.00	Tinggi

[ Sumber: Riduwan, 2012]

## 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini terbahagi kepada 4 bahagian iaitu A: Latarbelakang responden, B: Kandungan program, C: Keberkesanan program dan D: Penetapan hala tuju. Dapatan demografi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut:-

**Jadual 4: Demografi responden**

Ciri-ciri Demografi	Frekuensi	Peratus (%)
1. Jantina Lelaki Perempuan	10 28	26.3 73.7
2. Umur 18 – 20 tahun 21 – 23 tahun 24 – 26 tahun >26 tahun	38 - - -	100.0 - - -
3. Kaum Melayu Cina India	35 1 2	92.1 2.6 5.3
4. Semester 1 2 3	12 1 25	31.6 2.6 65.8

Jadual 4 menunjukkan analisis dapatan bagi Bahagian B: Kandungan program. Analisis skor min menunjukkan nilai yang paling tinggi adalah pada item A6 dengan nilai min 3.58 dan peratusan responden sebanyak 97.3 bagi maklumbalas yang positif (Sangat Setuju dan Setuju). Manakala bagi item A1 mendapat skor min terendah dengan nilai 3.47 dan peratusan sebanyak 97.4% bagi maklumbalas yang positif (Sangat Setuju dan Setuju). Walaupun hasil analisis mendapati skor min tersebut terendah, pernyataan item ini masih lagi ditahap yang sederhana dan boleh diterima. Secara keseluruhannya, skor min keseluruhan bagi Bahagian B ialah 3.52 iaitu pada tahap yang tinggi. Jelas ianya menunjukkan bahawa responden bersetuju program ini telah dilaksanakan dengan baik dan bermanfaat.

**Jadual 5: Kandungan Program**

Bil	Item	Skala				Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4		
A1	Objektif program tercapai	0%	2.6%	50.0%	47.4%	3.45	Sederhana
A2	Pengisian program yang bersesuaian dengan keperluan kursus	0%	2.6%	44.7%	52.6%	3.47	Sederhana
A3	Perancangan dan pelaksanaan program telah dibuat dengan lancar	0%	2.6%	34.2%	63.2%	3.58	Tinggi
A4	Cara penyampaian penceramah adalah menarik	0%	2.6%	42.1%	55.3%	3.53	Tinggi
A5	Masa yang diperuntukkan untuk menjalankan program ini adalah sesuai	0%	2.6%	42.1%	55.3%	3.53	Tinggi
A6	Pada keseluruhannya, program ini berjaya dan bermanfaat	0%	2.6%	36.8%	60.5%	3.58	Tinggi
<b>Skor Min Keseluruhan</b>						<b>3.52</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan analisis dapatan bagi Bahagian C: Keberkesanan program. Analisis skor min menunjukkan nilai tertinggi bagi item B2 dengan nilai min 3.63 dan peratusan responden sebanyak 100% bagi maklumbalas yang positif (Sangat Setuju dan Setuju). Manakala bagi item B4 dan B5 mendapat skor min terendah dengan nilai 3.47 dan peratusan responden sebanyak 97.3% bagi maklumbalas yang positif (Sangat Setuju dan Setuju). Walaupun hasil analisis mendapati skor min tersebut terendah, pernyataan kedua-dua item ini berada ditahap yang sederhana dan boleh diterima. Secara keseluruhannya, skor min keseluruhan bagi Bahagian C ialah 3.54 dimana pada tahap yang tinggi. Berdasarkan dapatan ini, ia menunjukkan bahawa responden bersetuju program ini membolehkan mereka lebih jelas mengenai peluang pengajian / kerjaya selepas tamat pengajian.

**Jadual 6: Keberkesanan Program**

Bil	Item	Skala				Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4		
B1	Program ini telah meningkatkan pemahaman saya terhadap peluang kerjaya selepas tamat pengajian	0%	0%	47.4%	52.6%	3.53	Tinggi
B2	Program ini memberikan maklumat yang lebih jelas mengenai peluang melanjutkan pelajaran selepas tamat pengajian	0%	0%	36.8%	63.2%	3.63	Tinggi
B3	Program ini telah menunjukkan arah dan matlamat kerjaya yang lebih jelas	0%	0%	39.5%	60.5%	3.61	Tinggi
B4	Program ini telah memberikan kesedaran diri mengenai masa depan saya	2.6%	0%	44.7%	52.6%	3.47	Sederhana
B5	Program ini meningkatkan keyakinan diri saya	0%	2.6%	47.4%	50.0%	3.47	Sederhana
<b>Skor Min Keseluruhan</b>						<b>3.54</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 7 menunjukkan analisis bagi Bahagian D: Penetapan hala tuju. Analisis skor min menunjukkan nilai yang paling tinggi pada item C3 dan C4 dengan nilai min 3.45 dan peratusan responden 100% bagi maklumbalas positif (Sangat Setuju dan Setuju). Manakala bagi item C1 dan C2 mendapat skor min terendah dengan nilai 3.42 dan peratusan responden 97.3% bagi maklumbalas positif (Sangat Setuju dan Setuju). Walaupun hasil analisis mendapati nilai skor min tersebut terendah, pernyataan kedua-dua item ini menunjukkan ditahap sederhana dan boleh diterima. Secara keseluruhannya, skor min menunjukkan bahawa responden bersetuju program ini membolehkan mereka jelas untuk memilih hala tuju yang bersesuaian.

**Jadual 7: Penetapan Hala Tuju**

Bil	Item	Skala				Min	Interpretasi Min
		1	2	3	4		
C1	Saya tahu matlamat yang ingin saya capai dalam hidup	0%	2.6%	52.6%	44.7%	3.42	Sederhana
C2	Saya boleh membina matlamat yang sesuai dengan kemampuan diri saya	0%	2.6%	52.6%	44.7%	3.42	Sederhana
C3	Saya lebih jelas tentang hala tuju hidup saya selepas tamat pengajian	0%	0%	55.3%	44.7%	3.45	Sederhana
C4	Saya mampu untuk memilih hala tuju yang sesuai dengan saya	0%	0%	55.3%	44.7%	3.45	Sederhana
<b>Skor Min Keseluruhan</b>						<b>3.43</b>	<b>Sederhana</b>

Jadual 8 menunjukkan analisis mengenai pemilihan haluan kerjaya selepas tamat pengajian dimana item bekerja dalam bidang pengoperasian perniagaan mendapat peratusan yang tertinggi iaitu 52.6%. Seterusnya, diikuti dengan item menyambung pengajian sebanyak 36.8%. Manakala item yang mendapat peratusan yang terendah ialah bergelar seorang usahawan dengan nilai sebanyak 10.5%. Dapatan ini jelas menunjukkan majoriti responden memilih bekerja dalam bidang selepas tamat

pengajian di Kolej Komuniti Bandar Penawar. Hal ini mungkin diakibatkan oleh mereka ingin berdikari untuk mencari sumber pendapatan sendiri dan tidak mahu bergantung kepada keluarga.

Jadual 8: Pemilihan haluan kerjaya selepas tamat pengajian

Item	Frekuensi	Peratus (%)
Menyambung pengajian	14	36.8
Bekerja dalam bidang pengoperasian perniagaan	20	52.6
Bergelar seorang usahawan	4	10.5

## 5. CADANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini dibuat bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Program *Inspire Talk* dan mengenalpasti haluan kerjaya pelajar Sijil Pengoperasian Perniagaan selepas tamat pengajian. Kesimpulannya, analisis hasil dapatan mendapati bahawa tahap persepsi pelajar bagi aspek kandungan dan keberkesanan adalah tinggi. Jelaslah ia menunjukkan bahawa program bersama alumni memberi impak kepada pelajar sedia ada kerana pelajar lebih jelas dengan pemilihan haluan kerjaya selepas tamat pengajian. Disyorkan semua institusi menjalankan program bersama alumni seawal dari semester pertama bagu membantu pemilihan hala tuju dalam kalangan pelajar. Program perkongsian bersama alumni seperti ini mampu menjadi panduan dan seterusnya menjadi inspirasi kepada pelajar.

Berdasarkan kepada hasil dapatan analisis bagi pemilihan haluan kerjaya selepas tamat pengajian, item bekerja dalam bidang pengoperasian perniagaan mendapat peratusan yang tertinggi. Sehubungan itu, institusi perlu memberi bimbingan khusus terhadap perancangan kerjaya pelajar dan seterusnya meningkatkan tahap kesediaan pelajar. Bimbingan tersebut boleh dilaksanakan melalui program yang berkaitan kesediaan kerjaya untuk membantu pelajar mendapatkan maklumat kerjaya atau memahami diri serta dunia pekerjaan.

Pada keseluruhannya, diharapkan kajian ini memberi implikasi terhadap pemantapan kualiti graduan yang menyeluruh dan berdaya saing serta mempunyai nilai kebolehpasaran. Oleh itu, kajian hadapan berkaitan program bersama alumni yang melibatkan program lain di Kolej Komuniti Bandar Penawar dicadangkan dilaksanakan bagi penggunaan sampel yang lebih besar.

## RUJUKAN

- Gysbers, N.C (2013). Career-ready rtudents: A goal of comprehensive school counseling programs. [https://www.researchgate.net/publication/262834585\\_Career\\_Ready\\_Students\\_A\\_Goal\\_of\\_Co\\_mprehensive\\_School\\_Counseling\\_Programs](https://www.researchgate.net/publication/262834585_Career_Ready_Students_A_Goal_of_Co_mprehensive_School_Counseling_Programs)
- Hashim, N., & Abd Latib, N. (2020). Persepsi pelajar Kolej Komuniti Gerik terhadap faktor pemilihan kerjaya. *International Journal Of Modern Trends In Social Sciences (IJMTSS)*. 4(17), 127-137. <https://doi.org/10.35631/IJMTSS.417011>
- Hasnan, B. (2022, Oktober 21). Pasaran kerja kian mencabar tuntutan graduan persiapkan diri. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/04/802354/pasaran-kerjakian-mencabar-tuntut-graduan-persiapkan-diri>
- Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2022). Kamus KPI 2022. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.

- Kamus Dewan. Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 - 2025 : KPT.
- Masturah Suradi. (2019, Mac 3). Alumni politeknik, kolej komuniti perlu sumbang kepakaran. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/15933/edisi/johor/alumni-politeknik-kolej-komuniti-perlu-sumbang-kepakaran-maszlee>
- Muhamad, H. (2017, Nov 9). Elak graduan gagal lepas tamat pengajian, individu ni kongsi thread halatuju lepas diploma. <https://www.maukerja.my/career-advice/blog/ms/11637/elak-graduan-gagal-lepas-tamat-pengajian-individu-ni-kongsi-thread-halatuju-lepas-diploma>
- Muhammad Huzairah Mohd Anuar, Mohd Zulfakar Mohd Nawi, Ridzuan Khalid & Ali Jalal Mohd Hatta. (2022). Persepsi pelajar Sijil Operasi Perhotelan terhadap pelaksanaan program alumni di Kolej Komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8) <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1615>
- Nur Sheila Saida Abdullah & Zuber Abd Majid (2022). Kebolehpasaran modal insan lepasan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: isu dan strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8) <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1615>
- Riduwan (2012). Skala pengukuran variable-variable: penelitian. Alfabeta, Bandung.
- Sekaran, U. (2003). Research methods for business: A skill building approach (4th ed.). United State of America: John Willey and Sons, Inc.
- Super, D.E. (1990). A life span, life space approach to career development. In Brown, L. Brooks & associates (Eds.) Career choice and development: Applying contemporary theories to practice (2<sup>nd</sup> ed.). San Francisco, CA: Jossey-Bass
- UMS. (2015, Jun 6). Alumni. *UMS Universiti Malaysia Sabah*. <https://www.ums.edu.my/v5/ms/general/2092-alumni>
- Utusan Borneo. (2018, Julai 13). Alumni Punya Peranan Penting. <https://www.utusanborneo.com.my/2018/07/13/alumnipunya-peranan-penting>

**KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN BERDASARKAN CIRI-CIRI PERSONALITI *BIG SIX* PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT, KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR CAWANGAN GELANG PATAH, JOHOR**

Norhalmizan bt Halim<sup>1</sup>  
Stella A/P Stevan<sup>1</sup>  
Masuria bt Mohd Tahar<sup>1</sup>

Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah<sup>1</sup>  
[norhalmizan@kkbpenawar.edu.my](mailto:norhalmizan@kkbpenawar.edu.my)  
[stella@kkbpenawar.edu.my](mailto:stella@kkbpenawar.edu.my)  
[masuria@kkbpenawar.edu.my](mailto:masuria@kkbpenawar.edu.my)

**Abstrak.**

Kerjaya Keusahawanan adalah merupakan satu alternatif bidang kerjaya yang boleh dipilih oleh graduan selain daripada bidang fokus yang dipelajari semasa pengajian. Keusahawanan mampu mengembangkan ekonomi negara, mengurangkan isu pengangguran, meningkatkan penghasilan produk berinovasi dan mengembangkan kreativiti. Kajian ini mengkaji dan mengenal pasti tahap Personaliti *Big Six* (kestabilan emosi, kesungguhan, kesepakatan, ekstraversi, keterbukaan, dan hubungan interpersonal) dan mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM) Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah (KKBPCGP). Pendekatan kuantitatif serta instrumen soal selidik telah digunakan dengan mengumpulkan data dari 28 pelajar STM. Hasil interpretasi skala skor min menunjukkan tahap personaliti *Big Six* dan tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar STM, KKBPCGP berada pada tahap sederhana tinggi. Walaupun personaliti pelajar kebanyakan dilihat sesuai sebagai usahawan namun kecenderungan memilih kerjaya keusahawanan masih di tahap sederhana tinggi iaitu kesepakatan yang berada pada kedudukan paling tinggi (min=3.67). Implikasinya kajian ini mencadangkan agar program keusahawanan yang di laksanakan di peringkat institusi harus diperkemas dan dipelbagaikan bagi melestarikan keusahawanan sekaligus meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan. Bagi memastikan bilangan usahawan yang berjaya dapat ditingkatkan, latihan bimbingan dari pelbagai agensi terlibat harus dimantapkan dan diperluaskan agar pelajar dan graduan cakna serta mampu mengatasi risiko dan cabaran dalam kerjaya keusahawanan ini.

**Kata Kunci:** Usahawan, Kecenderungan, Personaliti *Big Six*, Sijil Teknologi Maklumat (STM)

**1. PENGENALAN**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 atau PPPM (PT) 2015-2025 telah dibangunkan dengan memberikan penekanan terhadap 10 lonjakan utama. Satu daripada 10 lonjakan tersebut ialah Graduan TVET berkualiti. Menurut (Schwarz 1999), pada abad-21 usahawan menjadi suatu perkara begitu menarik dan popular di masa kini. Dari segi ekonomi, menjadi usahawan dapat menyelesaikan menyelesaikan masalah berkaitan pengangguran.

Pelajar juga diberikan peluang untuk menimba pengalaman dalam bidang usahawan serta boleh mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kelas kepada dunia kerjaya. Disamping, dapat meningkat kemahiran komunikasi dan nilai profesional dalam diri mereka sendiri.

Menurut Muhammad Haron Husaini dan Khairul Anuar Ahmad (2008), memiliki ketrampilan akademik semata-mata masih tidak menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan disebabkan dari persaingan sengit di industri. Melalui pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik kuliah, di luar

bilik kuliah mahupun bengkel, para pelajar telah didedahkan di peringkat awal berkaitan kemahiran usahawan dalam institusi TVET bagi memenuhi pasaran industri 4.0 melalui prinsip fungsi operasi institusi TVET yang lain.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bagi melahirkan graduan TVET yang berkualiti seharusnya telah bersedia untuk mencorak masa depan mereka dengan pelbagai pilihan kerjaya. Antara pilihan kerjaya yang boleh diceburi ialah perniagaan tanpa mengira latar belakang kursus yang diambil semasa menyambung pengajian selepas Sijil Pelajaran Malaysia. Begitu juga dengan pelajar-pelajar Kolej Komuniti amnya dan Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah (KKBPCGP) khususnya. Justeru kami mensasarkan untuk mengkaji kecenderungan pelajar-pelajar KKBPCGP terhadap keusahawanan.

### 1.2 Penyataan Masalah

Dalam kajian ini pengkaji ingin mengkaji ciri-ciri keusahawanan dari segi personaliti *Big Six* setiap individu pelajar STM iaitu enam elemen personaliti merangkumi kestabilan emosi, kesungguhan, kesepakatan, ekstraversi, keterbukaan, dan hubungan interpersonal dan nilai kecenderungan usahawan pelajar STM Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah.



Carta 1: Bilangan dan Peratusan Graduan Usahawan di kalangan Pelajar STM, KKBPCGP 2020-2022

Carta 1 di atas menunjukkan peratusan Graduan Usahawan di kalangan pelajar STM untuk tiga tahun dari tahun 2020, 2021 dan 2022. Peratusan tersebut adalah merujuk kepada Laporan Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Bandar Penawar yang diperolehi dari Unit Latihan Industri KKBP. Walaupun carta menunjukkan peningkatan graduan usahawan, namun peratusan yang dipaparkan menunjukkan masih ramai yang tidak memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka. Penglibatan graduan dalam kerjaya keusahawanan yang rendah di kalangan pelajar STM perlu dikenal pasti punca bagi memastikan usaha Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menghasilkan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkualiti tercapai. Malahan turut termaktub dalam misi pihak JPPKK di mana salah satu misinya adalah Melahirkan Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Tambahan pula, terdapat laporan isu pengangguran dikatakan meningkat di Malaysia (Berita Harian, 2021). Justeru, usaha merencanakan program pembudayaan keusahawanan perlu dipertingkatkan di

peringkat institusi bagi menarik minat pelajar terhadap keusahawanan (Nur Fardeana Arifin et al. 2020).

### 1.3 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif yang terdapat dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti tahap Personaliti *Big Six* pelajar STM Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah
- ii. Mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan pelajar STM Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah.

## 2. KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Kerjaya Keusahawan

Graduan usahawan merupakan graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Kerjaya keusahawanan mampu mengembangkan ekonomi negara dan menjadi penyumbang kepada KDNK (Mohamad Pirdaus et. al, 2020). Menurut Kamus KPI Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), sasaran peratusan graduan yang menceburi bidang keusahawanan perlulah mengikut seperti mana ketetapan dalam KPI bagi menghasilkan graduan TVET yang berkualiti. Hal ini dapat menyokong Misi Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Menurut Sarmila Md Sum (2021) dan Lim Siok Ling et al. (2022), pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan mampu mengurangkan masalah pengangguran negara. Pernyataan ini turut disokong oleh Dr. Nurul Ashykin Abd. Aziz & Nur Nabila Huda Sabaran (2023) dalam Utusan Malaysia di mana usaha di peringkat awal perlu dilaksanakan di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi memupuk minat pelajar dalam melahirkan graduan usahawan dan tidak hanya berfokuskan kepada graduan yang cemerlang dalam bidang semata-mata melalui pelbagai inisiatif di peringkat IPT. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa memastikan agar minat terhadap bidang keusahawanan perlu dipupuk dan usaha ini dapat dilihat melalui Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Keusahawanan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi (PTK IPT) 2021-2025.

### 2.2 Personaliti Keusahawanan

Berdasarkan penemuan kajian Lim Siok Ling et al. (2022), sikap dan keinginan menjadi usahawan merupakan faktor yang penting dalam melahirkan usahawan yang berjaya. Kajian penentuan personaliti *Big Six* yang digunakan dalam kajian ini merangkumi enam elemen personaliti iaitu kestabilan emosi, kesungguhan, kesepakatan, ekstraversi, keterbukaan, dan hubungan interpersonal. Personaliti yang dinilai berkait dengan sikap seorang usahawan di mana berdasarkan dapatan kajian terdahulu Nur Fardeana et al. (2022) menunjukkan setiap personaliti yang dinilai mempunyai hubungan terdapat kecenderungan keusahawanan. Penemuan ini selaras dengan kajian Zunaini & Norasmah (2019) dimana terdapat perkaitan di antara trait personaliti dan pemilihan kerjaya keusahawanan. Personaliti yang tepat dan menjurus ke arah keusahawanan mampu menaikkan peluang pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan di kalangan graduan. Mereka yang memiliki keyakinan diri yang tinggi mampu menaikkan motivasi diri dan peluang memilih kerjaya sebagai usahawan adalah tinggi (Elin Karlina et. al, 2022)

### 2.3 Kecenderungan Keusahawanan

Pemilihan kerjaya keusahawanan melibatkan beberapa faktor yang perlu diambil kira. Pendedahan awal pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan di peringkat institusi pengajian mampu mengubah

persepsi pelajar dan menarik minat terhadap kerjaya keusahawanan (Mohd Pirdaus Y. et. Al, 2020). Pelancaran Pelan Tindakan Keusahawanan Bersepadu IPT membuktikan sokongan dan usaha pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam melestarikan keusahawanan sebagai kerjaya di peringkat awal (Malaysia Gazzet, 2022). Namun pemilihan kerjaya sebagai usahawan melibatkan risiko yang tinggi. Menurut Mazdan Ali Amaran & Mohd Shahrizam Hamzah (2021), usahawan yang berjaya adalah mereka yang berani menanggung risiko, agresif dan berwawasan. Berbeza dengan dapatan Sarmila et al. (2021), kesediaan yang tinggi untuk menjadi usahawan bukanlah satu penentuan dalam memastikan bidang keusahawanan dipilih sebagai kerjaya. Justeru, kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan bergantung kepada banyak faktor dalaman mahupun luaran.

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Data kuantitatif iaitu data yang diperolehi daripada respon pilihan skala Likert yang digunakan dalam item soal selidik kerana sesuai dengan tahap faktor yang dikaji. Manakala interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Dr. Jamil Ahmad (2002), Borang penilaian ini mempunyai tiga item utama dan diukur menggunakan skala Likert. Skala ini diukur dalam item 1 = Lemah, 2 = kurang memuaskan, 3 = Sederhana, 4 = Baik dan 5: Cemerlang.

#### 3.1 Batasan kajian

Kajian ini hanya menghadkan proses pengumpulan data tertumpu kepada pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah, Johor bagi sesi II 2022/2023. Seramai 28 orang pelajar program Sijil Teknologi Maklumat (STM) daripada 30 orang jumlah pelajar berdaftar pada sesi tersebut. Hanya 28 orang sahaja telah menjawab soal selidik yang diedarkan dan dijadikan sampel kepada kajian ini. Merujuk jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan seperti Jadual 3.1 Krejcie & Morgan (1970) dibawah :

TABLE FOR DETERMINING SAMPLE SIZE FROM A GIVEN POPULATION

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size  
"S" is sample size

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement, 1970.

Jika nilai populasi adalah tiga puluh (30), nilai sampel 28 orang dikira sah berdasarkan Jadual 3.1 Krejcie & Morgan. Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), keseluruhan populasi ini adalah merupakan *target population* di mana populasi tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian.

### 3.2 Alat kajian

Analisis data adalah dihadkan kepada **TUJUH (7)** item utama serta **DUA PULUH SEMBILAN (29)** subitem. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada Nur Fardeana A., Radin Siti Aishah R. A. R., Norasmah O. (2020) seperti dibawah:

- a) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP dari Kestabilan emosi (*Emotional stability*)**
  - i. P1: Saya seringkali berasa bimbang terhadap pembelajaran saya.
  - ii. P2: Saya tetap akan mencuba walaupun keberangkalian untuk berjaya adalah sangat rendah.
  - iii. P3: Saya sentiasa yakin dengan apa sahaja yang dilakukan.
  - iv. P4: Saya mampu untuk mengawal emosi dengan baik tanpa dipengaruhi oleh perubahan emosi.
  - v. P5: Saya sentiasa menunjukkan sifat kepimpinan dalam aktiviti berpasukan.
- b) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP -Kesungguhan (*Conscientiousness*)**
  - i. P6: Saya sentiasa mampu menggabungkan matlamat peribadi dengan organisasi.
  - ii. P7: Saya teliti dalam mengurus semua yang dilakukan.
  - iii. P8: Saya mempunyai keupayaan dalam melaksanakan tugas di lapangan (luar bilik kuliah/makmal).
- c) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP - Kesepakatan (*Agreeableness*)**
  - i. P9: Saya tidak menyalahkan orang lain jika sesuatu tugas gagal disempurnakan mengikut jangkaan.
  - ii. P10: Saya mudah bergaul tanpa mengguriskan perasaan orang lain.
  - iii. P11: Saya berpandangan bahawa ikatan kekeluargaan memberikan emosi paling penting dalam semua jenis perhubungan.
- d) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP - Ekstraversi (*Extraversion*)**
  - i. P12: Saya selalu aktif berkomunikasi apabila bersama dengan orang lain.
  - ii. P13: Saya selalu membuat apa yang dimahukan dalam aktiviti berkumpul.
  - iii. P14: Saya sering bercakap banyak dalam sesuatu aktiviti kumpulan.
- e) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP - Keterbukaan (*Openness*)**
  - i. P15: Saya sentiasa berfikir di luar kebiasaan.
  - ii. P16: Saya sentiasa menggunakan produk elektronik terkini.
  - iii. P17: Saya seringkali berbelanja secara berlebihan.
- f) **Tahap kekerapan dan peratus personaliti pelajar KKBPCGP - Hubungan interpersonal (*Interpersonal relationship*)**
  - i. P18: Saya bersikap optimis apabila berhadapan dengan masalah kehidupan.
  - ii. P19: Saya berasa letih apabila banyak perkara yang perlu dipertimbangkan

- iii. P20: Saya mampu menangani konflik dalam hubungan interpersonal.
- iv. P21: Saya sentiasa cuba untuk mengekalkan keharmonian dalam berkomunikasi.
- v. P22: Saya sentiasa mengamalkan sikap “terbaik” apabila berhadapan dengan sebarang masalah.
- vi. P23: Saya sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan penghargaan orang lain.
- vii. P24: Saya akan melakukan sesuatu yang tidak rasional apabila emosi tidak stabil.

**g) Tahap kecenderungan keusahawanan pelajar KKBPCGP**

- i. KK1: Saya sanggup melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan.
- ii. KK2: Matlamat kerjaya professional saya adalah untuk menjadi seorang usahawan.
- iii. KK3: Saya akan berusaha untuk memulakan firma keusahawanan sendiri.
- iv. KK4: Saya mempunyai tekad yang tinggi untuk memulakan perniagaan.
- v. KK5: Saya memilih untuk menjadi usahawan berbanding bekerja makan gaji di syarikat.

**4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis statistik deskriptif juga digunakan untuk melaporkan dapatan dari segi Tahap Personaliti *Big Six* Pelajar STM menggunakan min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditaksirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Sumarni (2000) dan Jamil (2002) seperti dalam Jadual 4.0.

Jadual 4.0 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sedehana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Sumarni (2000) dan Jamil (2002)

**4.1 Tahap personaliti *big six* pelajar:**

Konstruk	Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min	Interpretasi Tahap
			1	2	3	4	5		
Kestabilan emosi (Emotional stability)	P1	Saya seringkali merasa bimbang terhadap pembelajaran saya	4	0	15	7	2	3.11	3.38 Sedehana Tinggi
	P2	Saya tetap akan mencuba walaupun keberesungkinan untuk berjaya adalah sangat rendah	1	1	6	11	9	3.93	
	P3	Saya sentiasa yakin dengan apa sahaja yang dilakukan	2	0	9	11	6	3.75	
	P4	Saya mampu untuk mengawal emosi dengan baik tanpa dipengaruhi oleh perubahan emosi	1	0	10	9	8	2.93	
	P5	Saya sentiasa menunjukkan sifat lapang dada dalam situasi berprestasi	3	4	9	9	3	3.18	
Kesungguhan (Conscientiousness)	P6	Saya sentiasa mampu mengabungkan masalah pribadi dengan organisasi	1	4	14	6	3	3.21	3.39 Sedehana Tinggi
	P7	Saya teliti dalam mengurus semuanya yang dilakukan	0	5	8	12	3	3.46	
	P8	Saya mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan tugas di lapangan	1	2	12	7	6	3.50	
Kesepakatan (Agreeableness)	P9	Saya tidak menyalahkan orang lain jika sesuatu tugas gagal dilaksanakan	4	1	5	7	11	3.71	3.67 Sedehana Tinggi
	P10	Saya mudah bergaul walaupun dengan perasaan orang lain	3	3	9	8	5	3.32	
	P11	Saya berpandangan bahawa katan ketidakseragaman menimbulkan emosi paling penting dalam semua jenis pertubuhan	1	2	5	9	11	3.96	
Ekstraversi (Extraversion)	P12	Saya selalu aktif berinteraksi apabila bersama dengan orang lain	3	2	8	6	9	3.57	3.37 Sedehana Tinggi
	P13	Saya selalu membuat apa yang dimulakan dalam situasi berkumpulan	2	3	11	5	7	3.43	
	P14	Saya sering berakap banyak dalam semua situasi kumpulan	3	3	13	6	3	3.11	

Konstruk	Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min	Interpretasi Tahap
			1	2	3	4	5		
Keterbukaan (Openness)	P15	Saya sentiasa berfikir di luar kebiasaan	1	2	10	9	6	3.61	3.50 Sederhana Tinggi
	P16	Saya sentiasa menggunakan produk elektronik terkini	1	2	8	7	10	3.82	
	P17	Saya seringkali berbelanja secara berlebihan	4	1	14	7	2	3.07	
Konstruk	Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min	Interpretasi Tahap
			1	2	3	4	5		
Hubungan interpersonal (Interpersonal relationship)	P18	Saya berfikir optimis apabila berhadapan dengan masalah kehidupan	1	2	11	7	7	3.61	3.40 Sederhana Tinggi
	P19	Saya benci lena apabila banyak perkara yang perlu dipertimbangkan	0	4	9	8	7	3.64	
	P20	Saya mampu menangani konflik dalam hubungan interpersonal	2	4	16	3	3	3.04	
	P21	Saya sentiasa cuba untuk menyelesaikan kebimbangan dalam berkomunikasi	1	1	6	10	10	3.79	
	P22	Saya sentiasa menggunakan sikap "bertolak" apabila berhadapan dengan sebarang masalah	1	1	8	11	7	3.79	
	P23	Saya sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan penghargaan orang lain	1	6	10	7	4	3.11	
	P24	Saya akan melakukan sesuatu yang tidak rasional apabila emosi tidak stabil.	6	4	11	3	4	2.82	

Jadual 4.1: Tahap Personaliti *Big Six* Pelajar STM, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang

Jadual 4.1 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian berkenaan tahap personaliti *Big Six* dalam kalangan pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah. Secara keseluruhannya dapatan kajian tersebut menunjukkan skor min tahap personaliti *Big Six* pelajar berada pada tahap sederhana tinggi.

Hasil keseluruhan skor min tahap personaliti *Big Six* ini merangkumi 6 konstruk ciri personaliti iaitu kesepakatan yang berada pada kedudukan paling tinggi (min=3.67), berbanding ciri personaliti keterbukaan (min=3.50), hubungan interpersonal (min=3.40), kesungguhan (min=3.39), kestabilan emosi (min=3.38) dan ciri personaliti ekstraversi yang berada pada kedudukan paling rendah (min=3.37).

Hasil kajian mendapati item dalam konstruk iaitu personaliti kesepakatan berada pada tahap kekerapan yang tinggi. Item 11 dalam ciri personaliti kesepakatan menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 3.96. Ini menunjukkan pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah bersetuju bahawa ikatan kekeluargaan memberikan emosi paling penting dalam semua jenis perhubungan. Manakala item 14 dalam ciri personaliti ekstraversi yang diwakili dengan pernyataan "Saya sering bercakap banyak dalam sesuatu aktiviti kumpulan" mendapat persetujuan yang terendah dengan skor min 3.37.

Hasil kajian mendapati item dalam konstruk iaitu personaliti kesepakatan berada pada tahap kekerapan yang tinggi. Item 11 dalam ciri personaliti kesepakatan menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 3.96. Ini menunjukkan pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah bersetuju bahawa ikatan kekeluargaan memberikan emosi paling penting dalam semua jenis perhubungan. Manakala item 14 dalam ciri personaliti ekstraversi yang diwakili dengan pernyataan "Saya sering bercakap banyak dalam sesuatu aktiviti kumpulan" mendapat persetujuan yang terendah dengan skor min 3.37.

#### 4.2 Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar

Item	Soalan	Frekuensi Skala Likert					Min	Interpretasi Tahap
		1	2	3	4	5		
KK1	Saya sanggup melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan.	4	3	10	6	5	3.18	3.24 Sederhana Tinggi
KK2	Mati-mati kejaya profesional saya adalah untuk menjadi seorang usahawan.	3	3	12	6	4	3.18	
KK3	Saya akan berusaha untuk memulakan firma keusahawanan sendiri	3	2	9	9	5	3.39	
KK4	Saya mempunyai tekad yang tinggi untuk memulakan perniagaan.	2	5	10	6	5	3.25	
KK5	Saya mualah untuk menjadi usahawan berbanding bekerja makan gaji di syarikat.	5	2	10	4	7	3.21	

Jadual 4.2 : Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar STM, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah

Jadual di atas menunjukkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah. Kecenderungan keusahawanan ini diukur melalui lima item. Analisis terperinci menunjukkan skor min setiap item bagi pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah bermula dengan skor min yang tertinggi sehingga terendah. Item 3 menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 3.39. Kebanyakan responden telah menyatakan setuju berusaha untuk memulakan firma keusahawanan sendiri. Namun begitu, item 1 dan 2 mendapat persetujuan yang terendah dengan skor min 3.18 yang

diwakili dengan pernyataan "Saya sanggup melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan" dan "Matlamat kerjaya professional saya adalah untuk menjadi seorang usahawan." Secara keseluruhannya, tahap kecenderungan keusahawanan pelajar berada pada tahap sederhana tinggi, iaitu min = 3.24.

## 5. CADANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan ke atas 28 orang pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah didapati kecenderungan keusahawanan berdasarkan ciri - ciri personaliti *Big Six* berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian yang menunjukkan skor min sederhana tinggi memberi indikasi bahawa para pelajar telah mula memikirkan untuk memilih keusahawanan. Namun, pelajar Sijil Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Bandar Penawar Cawangan Gelang Patah belum mencapai tahap keyakinan dan pemikiran untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka apabila tamat pengajian kelak. Pernyataan ini disokong oleh Sarmila Md Sum, Zaimah Ramli, Nur Shafiqah Mohd Sabri (2021) yang mendapati bahawa walaupun para graduan secara relatif bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi usahawan, memandang serius cita-cita menjadi usahawan, bersemangat tinggi untuk menceburkan diri dalam dunia usahawan dan bersedia untuk mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai usahawan, namun untuk benar-benar melaksanakan perniagaan dan menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan masih berada pada tahap kesediaan yang sederhana.

Justeru, faktor dorongan serta peluang memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan. Program-program keusahawanan perlu dipergiatkan lagi untuk menarik minat pelajar. Pembentukan usahawan tidak hanya bergantung kepada bakat malah melalui latihan dan memperkenalkan mentor-mentor di kalangan usahawan mengikut sasaran perniagaan yang ingin diceburi.

Akhir sekali, pelajar juga perlu diberi pendedahan keperluan sebelum memulakan perniagaan seperti taklimat Surahanjaya Syarikat Malaysia (SSM), cara pembinaan kertas kerja dan pendedahan peluang memohon dana dan geran dalam keusahawanan.

## RUJUKAN

Aizureen Jihandi , Yahya Buntat (2021). Hubungan Personaliti "Big Five" Terhadap Keinginan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, e-ISBN: 978-967-18414

Ali Amaran, M., & Hamzah, M. S. (2021). Faktor Penglibatan, Ciri Personaliti dan Cabaran Usahawan Siswazah dalam Bidang Keusahawanan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 207 - 216. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1091>

Che Nurul Kamilah C. A., Rahman, Radin Siti Aishah R. A. (2019) Trait personaliti (extraversion, agreeableness, conscientiousness, dan openness) mendorong kecenderungan keusahawanan pelajar teknik dan vokasional: satu kajian di kolej vokasional daerah Kuala Terengganu, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, Volume 5 No. 15, July, pp. 34 – 45. E-ISSN: 2462-1714

Elin Karlina, Martinus Tukiran, Dewi Purwaningsih (2022). Membangun Minat Memulai Usaha Melalui Entrepreneurship Education, Efikasi Diri, Dan Entrepreneurship Motivation, *Research and Development Journal Of Education*, Vol. 9, No. 1, April 2023, Pp : 505 – 512, DOI: <http://dx.doi.org/10.30998/rdje.v9i1.15467>, p-ISSN 2406-9744

Hashim, Shahrin and Radio, Noraini (2010). Ciri Personaliti Keusahawanan Pelajar Tahun 2 Sph Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. Ciri Personaliti Keusahawanan Pelajar Tahun 2 Sph Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. pp. 1-7.

Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. Tesis Ijazah kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*.

Small-Sample Techniques (1960). *The NEA Research Bulletin*, Vol. 38.

Ling, L., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan Sikap dan Tingkah Laku Keusahawanan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>

Malaysiagazette (2022). Lestarikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan graduan, 19 September 2022

Mohamad Pirdaus Y., Muhammad Afifuddin P. R., Nurhazliyana H. (2020). Kencenderungan Minat Pelajar Terhadap Keusahawanan: Satu Tinjauan Persepsi Mengikut Tahun Pengajian, *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, Volume 6 No. 18, June, pp. 41-49

Mohammd Saidi Usop, Norasmah Othman (2019). Tahap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Masyarakat Iban Di Sebuyau Sarawak, *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, Volume: 2. pp.38-43. EISSN: 2600

Nur Fardeana A., Radin Siti Aishah R. A. R., Norasmah O. (2020) Tahap Personaliti *Big Six* Dan Hubungannya Dengan Kecenderungan Keusahawanan Digital Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1(SI)). pp. 101-110. ISSN 0126-6020 / 2180-0782

Sarnila Md Sum, and Zaimah Ramli, and Nur Shafiqah Mohd Sabri (2021). Kesiediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya, *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (4). pp. 17-29. ISSN 2180-2491

Sumarni Junin. 2000. Kebimbangan dan punca-punca kebimbangan dikalangan pelajar sebuah sekolah menengah harian Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Universiti Malaya.

## KAJIAN KEPERLUAN SURAU UNTUK DINAIK TARAF MESRA OKU - TINJAUAN DI KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG

Saasobah @ Nor Adibah Ali<sup>1</sup>  
Hairul Anuar Masrol<sup>1</sup>  
Tahir Leemat<sup>2</sup>

Kolej Komuniti Pasir Gudang<sup>1</sup>, Politeknik METrO Johor Bahru<sup>2</sup>  
[saasobah@kkpg.edu.my](mailto:saasobah@kkpg.edu.my)<sup>1</sup>  
[hairulanuar@kkpg.edu.my](mailto:hairulanuar@kkpg.edu.my)  
[tahir@pmjb.edu.my](mailto:tahir@pmjb.edu.my)

### Abstrak

Surau merupakan satu kemudahan yang sepatutnya mudah diakses untuk semua golongan terutama golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas. Kajian dibuat bagi meneliti keperluan naik taraf kemudahan surau lebih mesra OKU. Objektif kajian ada tiga iaitu mengenalpasti tahap keperluan kemudahan surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG) yang mesra golongan OKU, mengenal pasti keperluan surau dipindahkan ke lokasi akses mudah, dan mengenalpasti sejauhmana naik taraf kemudahan surau berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH). Metodologi kajian adalah kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Instrumen kajian adalah soal selidik dan temubual. Soal selidik telah diedarkan kepada 370 orang responden melibatkan komuniti setempat, peserta kursus, pelajar dan staf. Temubual pula telah dijalankan kepada enam orang OKU fizikal beragama Islam yang terdiri daripada peserta kursus pendek, pelajar dan staf. Kajian ini menggunakan perisian *Statistical Package Science Social* (SPSS) versi 29.0 bagi menganalisis hasil dapatan. Nilai *Alfa Cronbach* adalah 0.819 menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang diperolehi dalam kajian ini. Dapatan kajian merekodkan skor min bagi persoalan kajian 1, 2 dan 3 adalah 4.69, 4.70 dan 4.70 adalah tinggi. Skor min tertinggi adalah 4.74 bagi item soalan B8 iaitu "Surau yang dinaik taraf lebih dekat dengan pusat aktiviti diperlukan bagi menarik minat komuniti menyertai kursus pendek dan merancakkan lagi aktiviti PISH". Kesimpulannya, kemudahan surau yang mesra OKU diperlukan. Pengkaji mencadangkan surau sedia ada perlu dinaik taraf bagi memenuhi keperluan golongan OKU di institusi terutama bagi komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf Kolej Komuniti Pasir Gudang, Johor.

**Kata Kunci:** Orang Kurang Upaya (OKU), surau, komuniti

### 1.0 PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kolej Komuniti Pasir Gudang (KKPG) merupakan sebuah institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terletak di Pasir Gudang, Johor. KKPG menawarkan kursus pendek pelbagai kluster kursus pendek termasuk masakan, jahitan, dandanian rambut, kemahiran komputer. KKPG juga menawarkan 5 program sepenuh masa peringkat Sijil Kolej Komuniti bidang Pengoperasian Perniagaan, Teknologi Maklumat, Fesyen dan Pakaian, Dandanian Rambut serta Terapi Kecantikan dan Spa kepada warganegara Malaysia yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

#### 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Merujuk Piawai Perancangan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semanjung Malaysia (2002), lokasi masjid/surau hendaklah di tengah-tengah pusat

petempatan/aktiviti/pertemuan laluan utama untuk memudahkan kebolehcapaian dan menjadi tumpuan. Ibadah solat sangat penting dalam membina jiwa rohani manusia. Kewajipan menunaikan solat fardu 5 waktu ini adalah tanggungjawab semua golongan yang memenuhi kriteria wajib solat termasuk golongan OKU. Merujuk Bani Hidayat Mohd. Shafie (2010), amalan pengurusan surau sekolah yang sistematik dan menarik memberi impak terhadap penghayatan Islam yang mampu berperanan sebagai pusat pendidikan dan penyampaian ilmu keagamaan bagi membentuk sahsiah pelajar Islam yang beriman, berilmu dan berakhlak yang bersesuaian dengan KKPG yang merupakan institusi pengajian tertier bagi komuniti.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022) menyatakan penduduk Malaysia terdiri daripada 32.7 juta orang. Daripada angka itu, didapati 619,273 adalah OKU (Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2022). Sementara, orang Melayu Islam merupakan kumpulan terbesar (377,636). Dasar Inklusif OKU, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2018) bertujuan memperkasakan sistem sokongan pendidikan dalam memberi kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif kepada pelajar OKU. Pelaksanaan dasar ini di Institusi Pendidikan Tinggi memberi peluang kepada pelajar OKU yang layak untuk menyambung pelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Ini sejajar dengan pernyataan Norsaadah Din (2023) yang menjelaskan bahawa ada keperluan untuk mengambil kira faktor yang berkaitan dengan tempat ibadat golongan OKU apabila menguruskan kemudahan kerana semua umat Islam yang mukallaf termasuk golongan OKU diwajibkan solat fardu. Namun, pelaksanaan ibadah solat bagi golongan OKU sering terhalang kerana isu kemudahan tempat ibadah mesra OKU kurang diberi perhatian. Akta Orang Kurang Upaya (2008) para 26.1 menyatakan, tertakluk kepada keadaan yang boleh membahayakan keselamatan OKU, mereka mempunyai hak untuk mengakses dan menggunakan kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam yang dibuka atau disediakan kepada orang lain atas asas kesetaraan dengan OKU. Masalah dikenalpasti apabila pengkaji mendapat laporan dari borang maklumbalas pengguna berkenaan rungutan surau yang disediakan agak jauh dari pusat aktiviti utama dan naik turun tangga yang banyak menyukarkan individu yang OKU fizikal untuk menunaikan solat.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti keperluan surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang mesra OKU.
2. Mengenal pasti keperluan surau dipindahkan ke lokasi akses mudah (easy access).
3. Mengenal pasti adakah faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek PISH di Kolej Komuniti Pasir Gudang.

### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Sejauhmanakah keperluan surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang mesra OKU.
2. Adakah keperluan surau dipindahkan ke lokasi akses mudah (easy access).
3. Adakah faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek PISH di Kolej Komuniti Pasir Gudang.

### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian berfokus terhadap responden daripada komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf Kolej Komuniti Pasir Gudang yang dipilih secara rawak sahaja. Kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh kementerian/jabatan yang lain. Keputusan kajian ini tidak boleh digenerelasasikan untuk mewakili konteks persekitaran Malaysia. Walaupun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada organisasi pada waktu semasa.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Membantu organisasi mendapatkan maklumbalas dan menganalisis untuk membuat penilaian terhadap keperluan menaik taraf surau Kolej Komuniti Pasir Gudang.
2. Membantu organisasi mendapatkan maklumbalas dan menganalisis untuk membuat penilaian terhadap keperluan surau dipindahkan ke lokasi akses mudah.
3. Membantu organisasi mendapatkan maklumbalas responden berkenaan adakah faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek PISH di Kolej Komuniti Pasir Gudang.

## 2. KAJIAN LITERATUR

Menurut Mohamad Isarafi Galini (2021), institusi surau perlu dikembangkan agar menjadi institusi pendidikan yang cemerlang terutama dalam konteks Pendidikan Islam. Fungsi surau sekolah/institusi seharusnya dimanfaatkan untuk aktiviti ibadah, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Menurut Bani Hidayat Mohd. Shafie (2010), Kementerian Pendidikan (1989) telah menetapkan bahawa surau sekolah/institusi bukan sahaja sebagai tempat pelajar untuk menunaikan sembahyang, malah menjadi “Pusat Pendidikan Rohani”. Bagi memenuhi keserasian dengan modul pendidikan Islam yang digunakan dalam sijil kemahiran Kolej Komuniti. Mariam Abd. Majid (2021) menyatakan, institusi masjid berperanan membangunkan masyarakat kontemporari melalui usaha memperkasakan peranan masjid sebagai pusat ilmu dan aktiviti Islam serta mesra terhadap OKU. Charmilaa Krishnamoorthi (2022) menyatakan bahawa OKU perlu dilindungi kerana mereka adalah sebahagian dari masyarakat yang istimewa. Norsaadah Din (2018) menyatakan masjid perlu meningkatkan fasiliti OKU dan masyarakat perlu menunjukkan rasa kemesraan dengan OKU sama seperti orang lain. Oleh itu, Kemudahan asas awam surau mesra OKU adalah diperlukan bagi memberi sokongan OKU dalam menjalani kehidupan.

## 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif, melalui kajian tinjauan di KKPG. Data penyelidikan kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik. Manakala data penyelidikan kualitatif dikumpul melalui temubual kumpulan berfokus individu OKU fizikal yang beragama Islam terdiri daripada peserta kursus pendek, pelajar dan staf. Instrumen digunakan adalah borang soal selidik dan temubual.

### 3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Tatacara pengolahan data yang dipungut dikenali sebagai reka bentuk kajian, yang bergantung pada konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian (Kerlinger, 1970). Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan.

### 3.2 POPULASI DAN SAMPEL

#### 3.2.1 POPULASI

Populasi merujuk kepada sekumpulan manusia yang mendapat perhatian pengkaji sebagai kumpulan sasaran yang hendak diselidiki (Sekaran, 2013). Pengkaji telah mendapati anggaran 10,000 orang adalah anggaran bilangan komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf KKPG dalam satu tempoh semasa. Berdasarkan rujukan Kaedah Persampelan Krejcie Dan Morgan (1970) maka bilangan responden diperlukan adalah 370 bagi 10,000 orang populasi. Sementara, Laws, Harper dan Marcus (2003) menyatakan, temubual kumpulan berfokus memerlukan bilangan sampel antara enam hingga 12 orang. Maka, pengkaji mendapatkan enam orang OKU fizikal yang beragama Islam yang terdiri

daripada peserta kursus pendek, pelajar dan staf telah dipilih sebagai responden dalam temubual kumpulan berfokus komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf KKPG.

### 3.2.2 PERSAMPELAN

Sampel adalah sekumpulan responden yang terdapat dalam sebuah populasi (Sekaran, 2013). Sasaran populasi bagi kajian ini diambil dari komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf KKPG. Seramai 370 responden yang terdiri daripada komuniti setempat, peserta kursus pendek, pelajar dan staf KKPG berjaya dikumpul.

### 3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini merupakan set soal selidik berdasarkan soal selidik kajian yang lepas oleh Abdul Munir Ismail (2015). Soal selidik digunakan untuk mempermudah pengumpulan data daripada responden yang berada di pelbagai tempat, menjimatkan masa dan kos dalam mendapatkan maklumat yang akurat (Creswell, 2014). Kajian jenis kuantitatif akan mengenalpasti pemboleh ubah yang mempunyai hubungan dengan objektif kajian. Kajian juga akan menggunakan kaedah yang bersesuaian serta praktikal iaitu analisa data menggunakan perisian *Statistical Package Science Social (SPSS)* versi 29.0 dan *cross tabulation* bagi membuat perbandingan dalam analisa. Jumlah kesemua soalan dalam borang soal-selidik ialah 16 soalan yang telah di bahagikan mengikut kategori atau bahagian-bahagian tertentu. Borang soal-selidik yang digunakan mengandungi bahagian-bahagian seperti berikut:

1. **Bahagian A** : Mengandungi 8 item soalan dan menumpukan kepada maklumat sosio demografi iaitu jantina, agama, bangsa, umur, taraf pendidikan, pekerjaan, keterlibatan di KKPG dan kategori responden.
2. **Bahagian B** : Memfokuskan faktor persoalan kajian. Pengukuran dibuat dengan menggunakan skor mengikut skala Likert. Setiap soalan akan diberi skor mengikut skala : 1: Sangat Tidak Setuju, 2: Tidak Setuju, 3: Sederhana, 4: Setuju dan 5: Sangat Setuju.

### 3.4 ANALISIS DATA

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.819	.823	8

Jadual 1: Statistik Kebolehpercayaan Alfa Cronbach

Menurut Sekaran (1992), nilai *Cronbach Alpha* yang baik adalah melebihi 0.80 dan boleh digunakan, sementara nilai di antara 0.60 hingga 0.80 adalah boleh diterima. Semakin nilai *Cronbach Alpha* menghampiri 1 adalah semakin baik. Berdasarkan Jadual 1, nilai *Cronbach's Alpha* ialah 0.819 yang diperolehi menghampiri 1 ini membuktikan bahawa soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah boleh dipercayai (reliable) dan boleh difahami responden. Bilangan item menunjukkan bahawa borang soal selidik ini mempunyai sebanyak 8 demografi dan 8 soalan memberi jumlah 16 soalan. Bagi menterjemahkan penggunaan panduan *The Rule of George and Mallery* (2003) iaitu nilai (> 9) *Excellent*, (> .8) *Good*, (> .7) *Acceptable*, (> .6) *Questionable*, (> .5) *Poor*, dan (< .5) *Unacceptable*. Maka hasil dapatan bagi kajian ini adalah lebih dari 7 adalah berada pada tahap Baik (*Good*).

Menurut Keith S. Atber (2017), data heuristik tidak dibenarkan kerana peraturan praktikal menyatakan bahawa *Cronbach Alpha* perlu mencapai 0.70 untuk instrumen dengan tahap ketekalan diri yang boleh diterima. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2014), "heuristik" merujuk kepada kaedah yang membolehkan/membantu seseorang mempelajari, mengetahui sesuatu melalui pengalaman peribadi. Berdasarkan Jadual 2, Nilai Korelasi dan Hubungan, maka boleh dinilai skor korelasi bagi B1 hingga B8 adalah pada paras antara sangat kuat hingga sederhana kuat dengan merujuk Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan kerana skor melebihi  $\pm 0.30$ . Ini menunjukkan data ini adalah kuat dan memenuhi keperluan kajian. Tambahan lagi, nilai Cronbach Alpha bagi setiap item soalan adalah diantara 0.77 hingga 0.83 adalah berada pada aras Acceptable dan Good. Nilai ini dapat diperkuatkan data adalah sah dan boleh digunakan dalam kajian ini.

	Corrected Item-Total Correlation	Squared Multiple Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
B1	.483	.322	.807
B2	.499	.267	.804
B3	.550	.362	.797
B4	.501	.341	.804
B5	.393	.346	.834
B6	.652	.492	.783
B7	.759	.648	.767
B8	.624	.562	.788

Nilai Korelasi	Kekuatan Hubungan
$\pm 0.70$ or higher	Sangat Kuat
$\pm 0.50$ to $\pm 0.69$	Kuat
$\pm 0.30$ to $\pm 0.49$	Sederhana Kuat
$\pm 0.1$ to $\pm 0.29$	Lemah
$\pm 0.01$ to $\pm$	Sangat Lemah

Jadual 2: Skor Korelasi bagi item soalan B1 hingga B8 Serta Jadual Nilai Korelasi dan Hubungan

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
B1	370	3.00	5.00	4.7054	.51242
B2	370	4.00	5.00	4.6757	.46876
B3	370	3.00	5.00	4.6802	.51854
B4	370	3.00	5.00	4.6757	.46016
B5	370	3.00	5.00	4.6973	.51580
B6	370	3.00	5.00	4.7297	.46262
B7	370	4.00	5.00	4.6730	.46976
B8	370	3.00	5.00	4.7405	.44506
Valid N (listwise)	370				

SKOR MIN	INTERPRETASI SKOR MIN	
1.00 - 2.33	<b>RENDAH</b>	Kurang setuju/kurang membantu/ kurang minat/ kurang meminati/ tidak pasti/ kadang-kadang/ tidak sebahagian kecil
2.34 - 3.66	<b>SEDERHANA</b>	Setuju/membantu/minat/meminati/ separuh
3.67 - 5.00	<b>TINGGI</b>	Sangat setuju/ sangat membantu/ sangat minat/ sangat meminati/ sangat selesa/ sangat sebahagian besar

Jadual 3: Skor Min bagi item soalan B1 hingga B8 dan Jadual Interpretasi Skor Min

Skor min bagi B1 hingga B8 adalah tinggi merujuk terjemahan dari Jadual 3, Skor Min dan Interpretasi kerana skor melebihi 3.67 mata adalah diinterpretasi tinggi. Ini menunjukkan skor ini cenderung kepada sangat setuju oleh responden.

**B1 : Prasarana mesra OKU perlu disediakan di surau kolej bagi kemudahan pelajar, peserta kursus ataupun staf Kolej Komuniti Pasir Gudang.**

Terdapat 73.2% responden Sangat Setuju, 24.1% responden Setuju dan 2.7% Sederhana bahawa prasarana mesra OKU perlu disediakan di surau kolej bagi kemudahan pelajar, peserta kursus ataupun staf KKPG. Nilai skor min adalah 4.70 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 1.

**B2 : Kolej Komuniti Pasir Gudang ada menerima pelajar / peserta kursus pendek / kakitangan dari kalangan OKU**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
SETUJU	120	32.4	32.4	32.4
Valid SANGAT SETUJU	250	67.6	67.6	100.0
Total	370	100.0	100.0	

Jadual 4: Menunjukkan frekuensi peratus Item Soalan B2

Jadual 4 menunjukkan 67.6% responden sangat bersetuju dan 32.4% responden bersetuju bahawa KKPG ada menerima pelajar / peserta kursus pendek / kakitangan dari kalangan OKU. Nilai skor min adalah 4.68 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 1 (PK1).

**B3 : Tempat wudhu yang dekat dengan ruangan solat serta kemudahan OKU / peserta kursus pendek terutama yang berusia untuk melaksanakan ibadah solat adalah diperlukan.**

Sebanyak 71.6% responden Sangat Setuju, 25.7% Setuju dan 2.7% Sederhana berkenaan item soalan Tempat wudhu yang dekat dengan ruangan solat serta kemudahan OKU / peserta kursus pendek terutama yang berusia untuk melaksanakan ibadah solat adalah diperlukan. Nilai skor min adalah 4.69 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 1 (PK1).

**B4 : Kemudahan surau yang dekat memudahkan pelajar / peserta kursus pendek / staf melaksanakan ibadah wajib ketika menghadiri kursus pendek / kelas.**

Terdapat 68.1% Sangat Setuju, 31.4% Setuju dan 0.5% Sederhana Setuju bahawa Kemudahan surau yang dekat memudahkan pelajar / peserta kursus pendek / staf melaksanakan ibadah wajib ketika menghadiri kursus pendek / kelas. Nilai skor min adalah 4.68 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 2 (PK2).

**B5 : Surau yang sedia ada agak jauh dari pusat aktiviti dan menyukarkan aktiviti PISH.**

B5				
	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Sederhana	10	2.7	2.7	2.7
Valid Setuju	92	24.9	24.9	27.6
Valid Sangat Setuju	208	72.4	72.4	100.0
Total	370	100.0	100.0	

Jadual 5: Menunjukkan frekuensi peratus Item Soalan B5

Jadual 5 menunjukkan responden memberi maklumbalas 72.4% Sangat Setuju, 24.9% Setuju dan 2.7% Sederhana bahawa Surau yang sedia ada agak jauh dari pusat aktiviti dan menyukarkan aktiviti PISH. Nilai skor min adalah 4.70 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 2 (PK2).

**B6 : Surau yang sedia ada agak jauh dan tidak mesra OKU dan pelajar/peserta kursus pendek/staf yang berusia.**

Didapati 73.8% responden Sangat Setuju, 25.4% Setuju dan 0.8% Sederhana bahawa Surau yang sedia ada agak jauh dan tidak mesra OKU dan pelajar/peserta kursus pendek/staf yang berusia. Nilai skor min adalah 4.73 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 2 (PK2).

**B7 : Surau yang berdekatan dengan pusat aktiviti mampu merencanakan kursus pendek terutama kursus PISH seperti kursus tadabur, mengaji Al Quran, belajar solat, solat jenazah, mengaji dan sebagainya.**

Sebanyak 67.3% responden Sangat Setuju dan 32.7% Setuju bahawa Surau yang berdekatan dengan pusat aktiviti mampu merencanakan kursus pendek terutama kursus PISH seperti kursus tadabur, mengaji Al Quran, belajar solat, solat jenazah, mengaji dan sebagainya. Nilai skor min adalah 4.67 mata. Ini menyokong Persoalan Kajian 3 (PK3).

**B8 : Surau yang dinaik taraf lebih dekat dengan pusat aktiviti diperlukan bagi menarik minat komuniti menyertai kursus pendek dan merencanakan lagi aktiviti PISH.**

B8				
	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	SEDERHANA	3	.3	.3
	SETUJU	94	25.4	25.7
	SANGAT SETUJU	275	74.3	74.3
	Total	370	100.0	100.0

Jadual 6: Menunjukkan frekuensi peratus Item Soalan B8

Berdasarkan Jadual 6, sebanyak 74.3% responden Sangat Setuju, 25.4% Setuju dan 0.3% Sederhana bahawa Surau yang dinaik taraf lebih dekat dengan pusat aktiviti diperlukan bagi menarik minat komuniti menyertai kursus pendek dan merencanakan lagi aktiviti PISH. Nilai skor min adalah 4.74 mata. Ini menyokong persoalan kajian 3 (PK3).

Merujuk Jadual 7 di bawah, **Item Soalan B1** : Prasarana mesra OKU perlu disediakan di surau kolej bagi kemudahan pelajar, peserta kursus ataupun staf KKPG. Jadual 7 menunjukkan nilai *crossstabulation* A2\*A8\*B1 didapati 100% responden terdiri dari 8 OKU dan 19 warga emas Sangat Setuju terutama OKU dan warga emas beragama Islam. Sementara responden bukan OKU/warga emas 10 orang menjawab Sederhana, 89 orang menjawab Setuju dan 244 Sangat Setuju. **Item Soalan B4** : Kemudahan surau yang dekat memudahkan pelajar / peserta kursus pendek / staf melaksanakan ibadah wajib ketika menghadiri kursus pendek / kelas. Berdasarkan *crossstabulation* A2\*A8\*B1 didapati 100% responden terdiri dari OKU dan warga emas Sangat Setuju terutama OKU/warga emas beragama Islam. Terdapat 8 responden adalah OKU dan 19 responden adalah warga emas. Sementara responden bukan OKU/warga emas 2 orang menjawab Sederhana, 116 orang menjawab setuju dan 225 Sangat Setuju.

A2 * A8 * B1 Crosstabulation					A2 * A8 * B4 Crosstabulation								
Count		A8			Total	Count		A8			Total		
B1	A2	BUKAN OKU	OKU	WARGA EMAS		B4	A2	BUKAN OKU	OKU	WARGA EMAS			
SEDERHANA	A2	ISLAM	0		0	SEDERHANA	A2	ISLAM	1		1		
		BUDDHA	2		2			HINDU	1		1		
		HINDU	3		3		Total		2		2		
	Total		10		10					2			
SETUJU	A2	ISLAM	81		81	SETUJU	A2	ISLAM	115		115		
		BUDDHA	2		2			LAIN-LAIN	1		1		
		HINDU	5		5		Total		116		116		
	Total		89		89					116			
SANGAT SETUJU	A2	ISLAM	239	7	19	265	SANGAT SETUJU	A2	ISLAM	209	7	19	235
		BUDDHA	4	0	0	4			BUDDHA	4	0	0	4
		HINDU	1	0	0	1		HINDU	8	0	0	8	
	LAIN-LAIN	0	1	0	1	LAIN-LAIN	4	1	0	5			
Total		244	8	19	271	Total		225	8	19	252		
Total	A2	ISLAM	53	7	19	81	Total	A2	ISLAM	325	7	19	351
		BUDDHA	4	0	0	4			BUDDHA	4	0	0	4
		HINDU	9	0	0	9			HINDU	9	0	0	9
		LAIN-LAIN	5	1	0	6			LAIN-LAIN	5	1	0	6
		Total		343	8	19			370	Total		343	8

Jadual 7: Crosstabulation A2 Jantina, A8 Kategori Responden dan Item Soalan B1 dan B4

A2 \* A8 \* B6 Crosstabulation

B6			A8			Total
			BUKAN OKU	OKU	WARGA EMAS	
SEDERHANA	A2	ISLAM	2			2
		HINDU	1			1
	Total		3			3
SETUJU	A2	ISLAM	93			93
		LAIN-LAIN	1			1
	Total		94			94
SANGAT SETUJU	A2	ISLAM	230	7	19	256
		BUDDHA	4	0	0	4
		HINDU	6	0	0	6
		LAIN-LAIN	4	1	0	5
	Total		248	8	19	273
Total	A2	ISLAM	325	7	19	351
		BUDDHA	4	0	0	4
		HINDU	9	0	0	9
		LAIN-LAIN	5	1	0	6
	Total		343	8	19	370

Jadual 8: Crosstabulation A2 Jantina, A8 Kategori Responden dan Item Soalan B6

Merujuk Jadual 8 di atas, **Item Soalan B6** : Surau yang sedia ada agak jauh dan tidak mesra OKU dan pelajar / peserta kursus pendek / staf yang berusia. Jadual 8 menunjukkan nilai *crosstabulation* A2\*A8\*B1 didapati 100% responden terdiri dari OKU dan warga emas Sangat Setuju terutama OKU dan warga emas beragama Islam. Terdapat 8 responden adalah OKU dan 19 responden adalah warga emas. Sementara responden bukan OKU/warga emas 3 orang menjawab Sederhana, 94 orang menjawab Setuju dan 246 Sangat Setuju.

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
B1	370	3.00	5.00	4.7854	.51242
B2	370	4.00	5.00	4.8757	.48878
B3	370	3.00	5.00	4.8892	.51884
B4	370	3.00	5.00	4.8757	.48818
B5	370	3.00	5.00	4.8873	.51580
B6	370	3.00	5.00	4.7297	.46282
B7	370	4.00	5.00	4.8738	.48878
B8	370	3.00	5.00	4.7405	.44398
Valid N (listwise)	370				

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
PK1	370	3.67	5.00	4.6901	.38575
PK2	370	3.67	5.00	4.7000	.35500
PK3	370	4.00	5.00	4.7000	.41849
Valid N (listwise)	370				

Jadual 9: Skor Min Mengikut Item Soalan B1 Hingga B8 dan Mengikut Persoalan Kajian 1, 2 dan 3

KOD ITEM	ITEM SOALAN	MIN	PERSOALAN KAJIAN (PK)	MIN
B1	Prasarana mesra OKU perlu disediakan di surau kolej bagi kemudahan pelajar, peserta kursus ataupun staf Kolej Komuniti Pasir Gudang.	4.71	PK1: Sejujurnya apakah keperluan surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang mesra OKU?	4.69
B2	Kolej Komuniti Pasir Gudang ada menerima pelajar / peserta kursus pendek / kakitangan dari kalangan OKU.	4.68		
B3	Tempat wuduk yang dekat dengan ruangan solat serta kemudahan OKU / peserta kursus pendek terutama yang berusia untuk melaksanakan ibadah solat adalah diperlukan.	4.69	PK2: Adakah keperluan surau disediakan ke lokasi akses mudah (easy access)?	4.70
B4	Kemudahan surau yang dekat memudahkan pelajar / peserta kursus pendek / staf melaksanakan ibadah wajib ketika menghadiri kursus pendek / kelas.	4.68		
B5	Surau yang sedia ada agak jauh dari pusat aktiviti dan menyukarkan aktiviti Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).	4.70		
B6	Surau yang sedia ada agak jauh dan tidak mesra OKU dan pelajar/peserta kursus pendek/staf yang berusia.	4.73	PK3: Adakah faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merencangkan aktiviti dan kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti Pasir Gudang?	4.70
B7	Surau yang berdekatan dengan pusat aktiviti mampu merencangkan kursus pendek terutama kursus PISH seperti kursus tadabur, mengaji Al Quran, belajar solat, solat jemaah, mengaji dan sebagainya.	4.67		
B8	Surau yang dinaik taraf lebih dekat dengan pusat aktiviti diperlukan bagi menarik minat komuniti menyertai kursus pendek dan merencangkan lagi aktiviti Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).	4.74		

Jadual 10: Item Soalan, Persoalan Kajian dan Skor Min.

Berdasarkan Jadual 9 dan 10, dapatan skor min bagi persoalan kajian 1, 2 dan 3 adalah 4.69, 4.70 dan 4.70 adalah tinggi. Skor ini menyokong ketiga-tiga persoalan kajian termasuk Persoalan Kajian 1 iaitu responden bersetuju bahawa surau di KKPG yang mesra OKU adalah diperlukan. Dapatan juga mendapati Persoalan Kajian 2 disokong iaitu responden bersetuju bahawa ada keperluan untuk surau dipindahkan ke lokasi akses mudah. Persoalan ketiga juga disokong iaitu responden bersetuju faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).


#### 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian yang diperolehi menerusi instrumen soal selidik dan komen dalam soal selidik yang dijalankan ke atas kumpulan sasaran 370 responden. Dapatan kajian ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi melihat frekuensi, peratus serta min bagi setiap bahagian dalam instrumen untuk mencapai keputusan terhadap objektif kajian yang digariskan.

##### 4.1 DAPATAN KAJIAN


###### 4.1.1 SOAL SELIDIK

Demografi responden terdiri daripada kod A1 (Jantina) seperti dalam Rajah 1 berikut:




Rajah 1: Peratus A1 dan Carta Palang Menunjukkan Peratus Jantina

Berdasarkan Rajah 1, terdapat 30.3% responden lelaki sementara 69.7% responden adalah perempuan.




Rajah 2: Jadual A2 dan Carta Menunjukkan Peratus Agama

Rajah 2 demografi responden kod A2 (Agama) menyatakan 94.9% responden beragama Islam, 1.1% beragama Buddha, 2.4% beragama Hindu dan 1.6% beragama selain daripada disenaraikan.




Rajah 3: Jadual A3 dan Carta Menunjukkan Peratus Bangsa

Merujuk Rajah 3 demografi responden kod A3 (Bangsa) menyatakan 94.3% responden adalah Melayu, 3.2% responden adalah Cina, 1.1% India, sementara 1.4% responden adalah berbangsa selain daripada disenaraikan.




Rajah 4: Jadual A2 dan Carta Menunjukkan Peratus mengikut Skala Umur

Sementara Rajah 4 demografi responden kod A4 (Umur) menunjukkan 6.2% responden berumur 50 tahun ke atas, 47.3% responden berumur 30-49 tahun dan 46.5% responden berumur 18-29 tahun. Ini menunjukkan terdapat responden dari kalangan berumur 50 tahun ke atas (kategori warga emas) seramai 6.2%.



Rajah 5: Jadual A2 dan Carta Menunjukkan Peratus Taraf Pendidikan

Rajah 5 demografi responden kod A5 (Taraf Pendidikan) memaparkan, terdapat 13.2% responden lulusan sarjana muda dan ke atas, 25.7% responden lulusan Diploma/Sijil, 58.6% lulusan SPM, sementara 9.0% responden mempunyai taraf pendidikan selain daripada disenaraikan.



Rajah 6: Carta Menunjukkan Peratus Pekerjaan


Rajah 6 demografi responden kod A6 (Pekerjaan) menunjukkan 6.5% responden dari syarikat swasta, 18.1% responden adalah kakitangan kerajaan, 10.5% bekerja sendiri, sementara 64.9% responden status pekerjaan selain daripada disenaraikan.

Menurut data peserta kursus pendek KKPG, pada tahun 2021, daripada 1616 orang peserta kursus pendek terdapat seorang peserta adalah berstatus OKU. Namun ada sebahagian peserta kursus pendek adalah berstatus warga emas. Sementara bagi pelajar sepenuh masa sesi II 2021/2022, terdapat 241 orang pelajar dan 2 orang adalah berstatus OKU.



Rajah 7: Jadual A2 dan Carta Menunjukkan Peratus Keterlibatan/Peranan Responden Di Kolej

Rajah 7 demografi responden kod A7 (Keterlibatan/Peranan Responden Di Kolej melibatkan peserta kursus pendek, pelajar, komuniti setempat, kakitangan KKPG) menyatakan daripada 370 responden, terdapat 28.9% responden peserta kursus pendek, 45.4% adalah pelajar, 8.9% komuniti setempat, sementara 16.8% responden adalah kakitangan KKPG.



Rajah 8: Jadual A2 dan Carta Menunjukkan Peratus Kategori Responden

Rajah 8 demografi responden kod A8 (Kategori Responden melibatkan Bukan OKU, OKU, warga emas dan lain-lain) menyatakan terdapat 92.7% responden bukan OKU, 2.2% responden adalah OKU sementara 5.1% responden adalah warga emas. Jika ditambah bagi 2 kategori ini hasilnya adalah 7.3%.

#### 4.1.2 TEMUBUAL

Temubual telah dibuat melibatkan enam orang responden terdiri daripada pelajar, peserta kursus pendek dan staf OKU fizikal beragama Islam. Mohd Suffian Salleh peserta kursus pendek OKU fizikal kaki menyatakan "Saya sukar menunaikan solat di surau kolej kerana jika berjalan kaki agak jauh dan perlu naik turun tangga kerana saya bertongkat. Saya terpaksa memilih untuk ke surau taman di seberang jalanraya dengan menaiki kenderaan". Hilmi Ahmad, pelajar OKU fizikal kerdil (Achon-droplasia) menyatakan "Lokasi surau yang disediakan berada di tingkat bawah tanah hanya ada tangga untuk sampai menyukarkan saya untuk menunaikan solat dalam tempoh waktu rehat". Usahawan OKU fizikal kaki dan kerdil, Mohd Sukur Ibrahim pernah hadir menjalankan aktiviti di kolej dan menghadapi masalah menuruni tangga. Dalam temubual, beliau seorang bersemangat dan positif menelusuri tangga namun pengkaji membuat pemerhatian dan mendapati beliau menghadapi kesukaran dan perlu masa lebih kerana menempuh tangga. Staf KKPG Aqilah Syahira Ahmad OKU fizikal kaki, dalam temubual, beliau positif bertongkat menelusuri tangga menyatakan "Jika ada kemudahan yang lebih baik amatlah diharapkan". Suhaimi Arshad OKU fizikal kaki menyatakan "Saya baru setahun kemalangan motor melibatkan kecederaan kaki. Saya sertai kursus pendek kemahiran di kolej ini untuk mencari peluang baru kerjaya. Saya dapati surau di sini agak jauh dan perlu naik turun tangga. Ini sukar untuk saya". Norsyahidah Abdul Razak OKU fizikal kaki menyatakan "Saya sukar menunaikan solat Zohor semasa menyertai kursus kerana kedudukan surau bertangga ke bawah tanah yang sunyi dan jauh dari orang ramai". Responden kursus pendek komuniti setempat juga menyatakan bahawa selain masalah perlu naik turun tangga ke surau, ianya lebih sunyi dan rasa kurang selamat pada hujung minggu kerana jauh dari orang ramai.

#### 4.2 PERBINCANGAN

Persoalan Kajian 1 (sejauhmanakah keperluan surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang mesra OKU) terjawab melalui maklumbalas responden pada item soalan B1 hingga B3 dengan skor yang tinggi merujuk Skala Skor Min dan Interpretasi skor. Sementara Persoalan Kajian 2 (sejauhmanakah keperluan surau dipindahkan ke lokasi akses mudah) disokong dengan skor item soalan B4 hingga B6 yang tinggi. Dalam Persoalan Kajian 3 (sejauhmanakah faktor naik taraf kemudahan surau berpotensi merencanakan aktiviti dan kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di KKPG) item soalan B7 dan B8 juga mendapat skor tinggi menunjukkan responden bersetuju dengan pernyataan. Tambahan lagi, pengkaji juga telah mendapat maklumbalas melalui sesi temubual dengan staf, komuniti, pelajar dan peserta kursus pendek kategori OKU fizikal. Hasil temubual mendapati responden mengalami masalah menunaikan solat di surau yang disediakan terutama bagi OKU fizikal yang menggunakan kerusi roda ataupun bertongkat kerana kedudukan surau jauh dan bertangga. Satu solusi perlu difikirkan supaya dapat menyokong pernyataan Siti Muhibbah (2020) iaitu surau umumnya dianggap sebagai tempat yang selamat dan sedia menerima sesiapa untuk beribadah termasuk golongan OKU.

## 5. CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara amnya, kajian dan analisis bagi menjawab persoalan kajian menunjukkan terdapat keperluan menaik taraf surau di Kolej Komuniti Pasir Gudang supaya lebih mesra OKU. Kesimpulannya, berdasarkan analisis kajian, penyelidik mencadangkan surau dinaik taraf supaya lebih mesra OKU dan bersifat akses mudah. Dengan adanya tindakan penambahbaikan yang bakal dilakukan ini berpotensi merancakkan aktiviti dan kursus pendek Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di KKPG. Menurut Norsaadah Din (2023), keperluan OKU mesti diutamakan dalam semua situasi, kecuali perkara yang tidak bermanfaat. Kajian keperluan surau untuk dinaik taraf mesra OKU ini dijangka akan mengeratkan ukhuwah golongan OKU dan masyarakat. Surau dan masjid adalah tempat eksklusif untuk umat Islam semua golongan terutama yang bertujuan melaksanakan ibadat serta aktiviti keagamaan. Norsaadah Din (2023), turut menyatakan bahawa kempen kesedaran untuk memastikan kesejahteraan golongan OKU bagi mengelakkan mereka terpinggir, masjid memainkan peranan penting dalam pendidikan. Maka dicadangkan pihak berkaitan untuk menyediakan surau yang mesra OKU. Pengkaji juga mencadangkan supaya kertas kajian ini menjadi rujukan bagi mana-mana institusi terutama kolej komuniti yang mempunyai keperluan menaik taraf surau kepada mesra OKU.

### RUJUKAN

- Abu Bakar, Siti Aishah (2012) Penggunaan multimedia dalam khutbah Jumaat : kajian terhadap penerimaan jemaah di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq Bangsar, Kuala Lumpur. (Borang Soal Selidik Pelaksanaan Multimedia Dalam Khutbah Jumaat: Kajian di Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq (SABA), Bangsar Kuala Lumpur), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bani Hidayat Mohd. Shafie (2010). Peranan Surau Sekolah Dalam Mengukuhkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bidang Ibadah Dan Akhlak Islamiah Pendidikan Islam Di Sekolah-sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia. Research Gates.
- Charmilaa Krishnamoorthi, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, Muhammad Muqris Alif Zairiasdi (2022). Adakah Penyediaan Kemudahan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas, *Journal of Muwafaqat* Vol. 5, No. 2, 2022, pp. 73-85, Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor
- Ezlina Mohamad Esa, Alice Sabrina Ismail (2020). Analisa Kemudahan Orang Kurang Upaya Di Kolej Komuniti. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, eISSN: 2710-6276 [Vol. 2 No. 4 December 2020], journal website: <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijssr>.
- Keith S. Taber (2018). The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education, DOI:10.1007/s11165-016-9602-2. Research Gates.
- Mariam Abd. Majid, Nurulbahiah Awang, Zulkefli Hj Aini, Hajar Opir (2021). Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti. *Jurnal Yadim*, Vol. 1 No. 2, ISSN: 2811-4310 / E-ISSN: 2785-8898, [www.e-jurnal.yadim.com.my](http://www.e-jurnal.yadim.com.my)
- Mohamad Isarafi Galini, Muhammad Hussin (2021). Peranan Surau dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu Kuala Kangsar, Perak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 564-571, , <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Mohammad Sabran Harun (2013). Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Masjid Daerah Kerian, Perak : Kajian Tentang Persepsi Dan Masalah. (Borang Soal Selidik Pengurusan Aktiviti Dakwah di Masjid Daerah Kerian, Perak). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

- Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Hasliza Talib, Siti Zaleha Ibrahim (2023). Keprihatinan Komuniti Terhadap Orang Kurang Upaya Di Masjid. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, Vol. 3, No. 1, June 2023, eISSN : 2682-8804 <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Piawai Perancangan : *Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam*, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2002).
- Rohaya Alias, Nor Maslina Mohsan, Siti Hawa Rosli (2018). Tahap Kepuasan Staf terhadap Persekitaran dan Sistem Kerja di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Cawangan Pahang. *GADING (Online) Journal for Social Sciences, Universiti Teknologi) MARA Cawangan&Pahang* Vol 22 (Special Issue) KONAKA 2018. <https://gadingss.learningdistance.org>. eISSN 2600-7568.
- Siti Muhibah Nor, Zetty Nurzuliana Rashed (2020). Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya (2020). *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4 (1) June 2020, no. E-ISSN 2590-3799
- Shah Rizal, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin (2020). Aksesibiliti Surau Di Dalam Pusat Membeli-Belah Sebagai Sebuah Pusat Ibadat Islam, Vol. 16. No.1 (1-19), ISSN: 1823-884x, *Journal of Social Science and Humanities, Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Siti Muhibah Nor, Zetty Nurzuliana Rashed (2020). Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid: Keperluan dan Cabaran Perlaksanaannya. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Abdul Munir Ismail, Mazdi Marzuki, Mohd Noor Daud, Abdul Hadi Borham (2015). Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) Di Masjid-Masjid: Kajian Kes Di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah*. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Norsaadah Din, Hasliza Talib, Siti Zaleha Ibrahim, Sri Andayani Mahdi Yusuf (2018). Hubungan Persepsi Orang Kurang Upaya Dan Masyarakat Di Institusi Masjid. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Undang-Undang Malaysia, Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya (2008)

## TAHAP LITERASI KEWANGAN PELAJAR TEKNIKAL DI KOLEJ KOMUNITI BATU PAHAT

Noorhafizah Rubaai<sup>1</sup>  
Nur Arifah Muhammad<sup>1</sup>

Kolej Komuniti Batu Pahat, Jalan EH 1, Evergreen Height 83000 Batu Pahat, Johor<sup>1</sup>  
[noor.hafizah@kkbpj.edu.my](mailto:noor.hafizah@kkbpj.edu.my)  
[nurarifahmuhammad@kkbpj.edu.my](mailto:nurarifahmuhammad@kkbpj.edu.my)

**Abstrak:** Kelebihan untuk mengakses input melalui pelbagai media pada masa kini telah menjadikan pelajar semakin kreatif dalam aktiviti penjanaaan pendapatan. Dengan pendedahan terhadap ilmu dan tips kewangan, para pelajar dapat mengetahui tentang kepentingan untuk menguruskan kewangan dengan betul. Walaubagaimanapun, mereka tidak dapat mempraktikkan amalan pengurusan kewangan dengan baik dan tidak mempunyai simpanan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengikuti pendidikan vokasional dan teknikal (TVET) di Kolej Komuniti Batu Pahat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap literasi kewangan pelajar TVET di Kolej Komuniti Batu Pahat. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada 36 orang pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat, yang telah mengambil subjek Keusahawanan pada Sesi II 2022/2023. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan pelajar TVET yang mengikuti subjek Keusahawanan di Kolej Komuniti Batu Pahat adalah tinggi. Hasil kajian ini dapat memberi cadangan kepada pihak kolej dan yang berkepentingan dalam bidang pendidikan untuk memberi penekanan kepada perancangan dan pelaksanaan program berkaitan literasi kewangan khusus untuk pelajar TVET agar mereka dapat bersedia untuk menghadapi cabaran kewangan setelah mereka tamat belajar nanti.

**Kata kunci:** Literasi kewangan, TVET, teknikal, pengetahuan kewangan

### 1.0 PENGENALAN

Peningkatan literasi kewangan di kalangan pelajar Program Latihan Vokasional dan Teknikal (TVET) di Malaysia adalah isu penting dalam pembangunan pendidikan negara. Literasi kewangan yang kukuh dapat memberi peluang kepada pelajar TVET untuk menguruskan sumber kewangan dengan bijak dan membuat keputusan kewangan yang betul (Othman & Mohamad, 2020). Literasi kewangan memainkan peranan penting dalam membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan yang diperlukan untuk memahami dan menguruskan kewangan mereka dengan berkesan. Hal ini adalah penting dalam memastikan masa depan pelajar tidak dibebani dengan masalah kewangan. Oleh yang demikian, beberapa aspek penting yang berkaitan literasi kewangan perlu diambil kira dan diberi perhatian.

Literasi kewangan membolehkan pelajar membuat keputusan berkaitan kewangan yang bijak. Dengan mempunyai pemahaman tentang konsep kewangan seperti simpanan, pemilikan rumah, pelaburan, dan pembiayaan pendidikan, pelajar akan dapat membuat keputusan yang terbaik untuk kehidupan mereka setelah tamat belajar (Ahmad, Arifin & Aziz, 2019). Selain itu, kemahiran literasi kewangan akan dapat membantu pelajar menguruskan perbelanjaan mereka dengan baik. Pelajar yang memahami konsep pengurusan kewangan, perancangan belanjawan, dan pengurusan hutang akan dapat mengawal perbelanjaan mereka, menyediakan tabungan, dan mengelakkan diri daripada terperangkap dalam masalah kewangan (Mohamad, Zainuddin & Rahman, 2020). Pelajar akan dapat menghadapi cabaran

kewangan yang mungkin timbul di masa hadapan. Dengan pengetahuan dan kemahiran kewangan yang kukuh, pelajar akan bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran seperti kehilangan pekerjaan, kenaikan kos sara hidup, atau kecemasan kewangan tanpa mengalami tekanan yang berlebihan (Chen & Volpe, 2018). Literasi kewangan yang baik juga memberikan peluang kepada pelajar untuk mencapai matlamat kewangan yang mereka inginkan. Dengan memahami dan mempraktikkan cara mengurus kewangan dengan bijak, pelajar dapat mencapai matlamat seperti memiliki rumah sendiri, melabur dalam pendidikan lanjutan, atau mencapai kebebasan kewangan pada peringkat awal kehidupan mereka (Lim & Zainol, 2017).

### 1.1 Pernyataan Masalah

Tahap literasi kewangan yang tinggi serta keupayaan untuk mempraktikkan amalan kewangan yang baik sangat memainkan peranan penting untuk memastikan kesihatan kewangan pelajar. Ini dapat membantu pelajar untuk menguruskan kewangan mereka dengan bijak. Subjek MPU12012 Keusahawanan berperanan memberi ilmu dan panduan kepada pelajar untuk mempelajari asas keusahawanan. Dalam masa yang sama, ilmu dan perbincangan yang dijalankan adalah diharap dapat membantu para pelajar untuk memperbaiki ilmu asas kewangan masing-masing.

Berdasarkan interaksi dan aktiviti perkuliahan, didapati para pelajar B40 yang melanjutkan pengajian mereka di Kolej Komuniti Batu Pahat menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk berbelanja harian. Mereka menyatakan harga makanan mahal dan perlu berjimat cermat untuk memenuhi keperluan hidup sebagai pelajar. Mereka juga tidak dapat membuat simpanan walaupun rata-rata mahir dalam usaha menambah pendapatan melalui aktiviti perniagaan atau menjalankan kerja sampingan. Perbelanjaan pendidikan yang perlu ditanggung oleh pelajar di Kolej Komuniti Batu Pahat bertambah disebabkan oleh gaya hidup dan kehendak individu. Oleh itu, didapati bahawa penting bagi para pensyarah kolej untuk memberi penekanan kepada literasi kewangan dalam pengajaran dan memberi bimbingan asas untuk membantu pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kewangan yang kompleks di masa depan.

Justeru, kajian tinjauan awal ini adalah untuk menentukan tahap literasi kewangan di kalangan pelajar jurusan teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek Keusahawanan bagi tahun 2023. Dapatan dari tinjauan ini akan membantu menentukan program dan aktiviti yang dapat membantu pelajar menambah ilmu literasi kewangan mereka serta membantu mereka untuk mempraktikkan ilmu kewangan yang dipelajari.

### 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi dua objektif yang telah ditetapkan:

- a) Mengetahui tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek Keusahawanan.
- b) Mengetahui program literasi kewangan yang bersesuaian yang boleh dicadangkan untuk dilaksanakan khusus untuk pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat.

#### 1.4 Signifikan Kajian

Kajian ini dilihat dapat membantu mengenalpasti tahap literasi kewangan pelajar Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek Keusahawanan. Program yang bersesuaian akan dapat dirancang dan dilaksanakan untuk membantu pelajar menambah ilmu dan kemahiran mereka dalam menguruskan kewangan dengan baik.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

Literasi kewangan merujuk kepada kemampuan individu untuk memahami dan menggunakan pengetahuan dalam membuat keputusan kewangan yang bijak dalam pengurusan kewangan peribadi. Ini melibatkan pemahaman konsep asas kewangan seperti simpanan, pelaburan, pinjaman, dan pelbagai ilmu pengurusan kewangan yang lain (Zahari & Wahid, 2020). Literasi kewangan yang baik membolehkan individu membuat keputusan yang lebih baik mengenai pengurusan kewangan mereka sendiri, meningkatkan kestabilan kewangan, dan meningkatkan peluang untuk mencapai matlamat kewangan jangka panjang (Rashid & Bakar, 2019). Konflik pengurusan kewangan sebenarnya timbul disebabkan wujudnya kekeliruan dalam mengenalpasti antara barangan keperluan atau kehendak dalam kalangan pelajar kerana kurang mempraktikkan ilmu pengurusan kewangan dalam kehidupan harian mereka. Kos peningkatan sara hidup yang tinggi di Malaysia telah menyebabkan masyarakat berhadapan dengan tekanan kewangan yang lebih besar, termasuk kesukaran untuk menguruskan pendapatan, memahami dan menguruskan hutang, serta tidak berupaya untuk membuat keputusan kewangan yang bijak (Kassim, Sidek & Mohamed, 2022). Keperluan untuk memiliki tahap literasi kewangan yang baik menjadi semakin penting bagi individu agar dapat memahami konsep perancangan kewangan, pengurusan wang, dan menghadapi tekanan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi.

Jabatan Insolvensi Malaysia (2020) merekodkan bahawa lebih daripada 70,000 individu di Malaysia telah diisytiharkan muflis sejak dari tahun 2016 sehingga tahun 2020. Lebih merisaukan lagi apabila daripada jumlah tersebut, lebih 18,000 individu yang diisytihar muflis adalah dari kalangan belia dibawah 34 dan bilangan terus meningkat setiap tahun. 35% daripada kategori muflis adalah daripada hutang pinjaman peribadi, 19% daripada kategori muflis adalah hutang sewa beli kenderaan, 11% adalah dari kategori muflis kerana pinjaman perumahan, manakala 10% adalah kategori muflis kerana hutang kad kredit. Ini menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan yang melibatkan cara pengurusan hutang di kalangan individu adalah tidak memuaskan kerana telah menyebabkan muflis. Jika masalah ini dibiarkan berlarutan, mahasiswa TVET mungkin juga menjadi penyumbang kepada peningkatan data muflis di masa akan datang.

Usaha untuk memahami tahap literasi kewangan di kalangan pelajar adalah penting agar maklumat yang didapati boleh digunakan untuk membantu mereka membuat keputusan kewangan yang bijak (Aziz & Rahim 2018; Ahmad & Ismail, 2021). Para pelajar juga akan dapat menguruskan kewangan mereka dengan baik serta dapat bersedia untuk menghadapi cabaran kehidupan selepas tamat belajar (Lim & Othman, 2020). Pemahaman kewangan pelajar juga akan dapat membuka peluang untuk meningkatkan pendidikan kewangan di kalangan institusi pendidikan tinggi. Aktiviti yang berkaitan pendidikan kewangan dapat dirancang dan dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan literasi kewangan pelajar.

Yusof dan Abdullah (2019) turut menyatakan di dalam kajian mereka bahawa penting untuk para pelajar mempunyai literasi kewangan yang baik. Tahap literasi kewangan akan membantu membentuk keputusan pembelian pelajar. Ini akan mendatangkan implikasi yang relevan kepada institusi pendidikan dan pihak berkaitan untuk membantu dalam meningkatkan pemahaman kewangan di kalangan pelajar.

Ini perlu dilaksanakan agar mereka dapat menguruskan kewangan mereka dengan lebih efektif dan baik (Lim & Othman 2020). Tambahan pula, pemahaman pengurusan kewangan yang baik akan membantu pelajar dalam mempengaruhi pengurusan perbelanjaan mereka (Tan & Wong, 2022).

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan bahagian penting dalam memastikan matlamat dan objektif kajian tercapai (Mutalib, 2013). Bahagian ini menjelaskan perkara berkaitan reka bentuk kajian, instrumen kajian, sampel kajian, serta prosedur kajian dan analisa data yang telah diperolehi.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Kolej Komuniti Batu Pahat, Johor dan memfokuskan kepada para pelajar yang telah mengambil subjek Keusahawanan bagi Sesi II 2022/2023. Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk statistik deskriptif. Kaedah penyelidikan yang telah digunakan untuk kajian ini adalah kuantitatif berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan yang dijalankan untuk penyelidikan ini melibatkan pungutan data dari populasi yang terpilih (Idris, 2013). Kajian tinjauan juga digunakan untuk mendapatkan data dalam satu masa yang tertentu bagi menggambarkan situasi semasa. Pengkaji ingin mendapatkan maklum balas bagi mengenalpasti tahap literasi kewangan pelajar, kesedaran amalan menabung pelajar, kesedaran amalan berbelanja secara berhemah, dan tahap penguasaan ilmu pengurusan kewangan pelajar yang mengambil subjek Keusahawanan pada sesi ini.

#### 3.2 Kerangka Konsep

Kajian ini adalah berdasarkan teori Sosio Budaya oleh Lev Vygotsky (1978). Menurut Vygotsky, pembangunan individu berkait rapat dengan konteks sosial dan budaya yang dialaminya. Beliau percaya bahawa bimbingan (Scaffolding) perlu diberikan kepada para pelajar untuk mereka mencapai matlamat pembelajaran melalui interaksi dan soalan berfokus. Aktiviti yang memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai ilmu asas akan dapat membantu pelajar menghasilkan idea baru serta berfikiran kreatif. Dalam konteks kajian ini, para pelajar telah menerima bimbingan asas pengurusan kewangan semasa mereka mengikuti kelas Keusahawanan. Rajah 1 menunjukkan carta rangka kerja dalam penentuan aktiviti bagi meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan pelajar.



Rajah 1: Rangka Kerja Penentuan Aktiviti Meningkatkan Kemahiran Pengurusan Kewangan Pelajar

### 3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi ialah sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama (Saunders, Lewis & Thornhill, 2009). Target populasi kajian ini adalah pelajar Kolej Komuniti Batu Pahat. Terdapat seramai 120 orang pelajar bagi Sesi II 2022/2023. Sampel kajian adalah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) kerana responden dipilih mengikut kriteria tertentu (Klar & Leeper, 2019). Kaedah ini dipilih kerana pengkaji ingin mengenalpasti tahap kesedaran dan literasi kewangan para pelajar yang telah menduduki subjek Keusahawanan di kolej. Sampel untuk kajian ini adalah terdiri dari 36 orang pelajar Sijil Teknologi Elektrik (SKE) dan Sijil Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara (SPU) yang mengikuti subjek MPU12012 Keusahawanan. Latar belakang keluarga adalah B40 dimana pendapatan isi rumah adalah di bawah median pendapatan RM4387.00 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik melalui Google Form yang telah diedarkan kepada sampel secara atas talian melalui media komunikasi seperti WhatsApp dan Telegram. Ini supaya penyelidik mudah untuk mengedarkan soalan dan mendapatkan maklum balas daripada responden. Soal selidik yang digunakan dalam sesuatu kajian boleh meningkatkan kebenaran maklum balas subjek terhadap soalan yang diberikan (Konting, 2004). Instrumen kajian telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian lepas iaitu Ramasamy, Kenayathulla, & Ghani (2018) mengikut keperluan kajian. Soal selidik dalam kaji selidik ini mempunyai lima bahagian yang merangkumi demografi, tahap literasi kewangan, kesedaran menabung, kesedaran berhemah dalam berbelanja, dan ilmu pengurusan kewangan. Skala Likert tiga mata dipilih kerana penyelidik menekankan kesederhanaan, kemudahan penggunaan, dan keupayaan untuk merangsang respons dikalangan responden. Ia menjadi pilihan yang sesuai untuk kajian di mana penyelidik ingin mengumpul data dengan cara yang cepat dan mudah. Struktur soal selidik terdiri dari lima bahagian. Bahagian pertama terdiri dari latar belakang responden. Bahagian kedua mengandungi 4 item untuk Tahap Literasi Kewangan. Bahagian ketiga mengandungi 4 item untuk Kesedaran Menabung. Bahagian keempat mengandungi 4 item untuk Kesedaran Berhemah Dalam Berbelanja. Bahagian terakhir mempunyai 4 item untuk Kesedaran Tentang Kepentingan Ilmu Pengurusan Kewangan. Skala Likert yang digunakan adalah skala likert 3-mata iaitu Ya, Tidak Pasti, dan Tidak. Skala likert membantu responden memberi respon mengikut kehendak sendiri (Norani, 2011). Kajian skala kecil telah dilaksanakan untuk mendapatkan nilai Alpha Cronbach. Keseluruhan nilai Alpha Cronbach untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item adalah sebanyak 0.89. Ghafar (1999) menyatakan bahawa jika nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach adalah melebihi 0.8, kesahan dan kebolehpercayaan adalah baik. Data yang dikumpul dianalisis bagi mendapatkan analisis statistik peratusan kekerapan dan skor min. Perbincangan hasil kajian adalah secara deskriptif dan dapatan kajian dibentangkan dalam bentuk jadual. Analisis data dilakukan untuk menentukan tahap awal literasi kewangan responden para pelajar. Interpretasi skor min berdasarkan skala likert tiga mata adalah seperti berikut:

Jadual 1: Interpretasi skor min skala likert tiga mata

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.67	Rendah
1.68 - 2.35	Sederhana
2.36 - 3.00	Tinggi

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Demografi Responden

Bahagian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tentang latar belakang umur responden yang keseluruhannya adalah pelajar lelaki. Demografi umur responden dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan.

Jadual 2: Analisis Demografi Responden

Umur	Kekerapan	Peratus (%)
18 - 19 tahun	15	41.7
20 - 21 tahun	18	50.0
22 - 23 tahun	3	8.3

Jadual 2 menunjukkan responden separuh, iaitu 50% dari responden berumur dalam lingkungan 20 dan 21 tahun. 41.7% responden berumur dalam lingkungan 18 dan 19 tahun. Manakala 8.3% responden berumur dalam lingkungan 22 dan 23 tahun.

### 4.2 Objektif 1: Tahap Literasi Kewangan Pelajar

Jadual 3 menunjukkan skor min. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek keusahawanan berada pada tahap yang tinggi dan penerangan adalah seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Tahap Literasi Kewangan Pelajar

Pernyataan	Frekuensi			Skor Min	Tahap
	Ya	Tidak Pasti	Tidak		
A1 Adakah anda tahu untuk menguruskan kewangan dengan membuat anggaran belanja?	30 (84%)	3 (8%)	3 (8%)	2.75	Tinggi
A2 Adakah anda tahu tentang peranan insurans dalam melindungi harta benda dan menjaga kebajikan kewangan?	22 (62%)	10 (28%)	4 (12%)	2.50	Tinggi
A3 Adakah anda tahu tentang pentingnya membina dana simpanan kecemasan untuk menghadapi keadaan yang tidak dijangka?	35 (98%)	0 (0)	1 (2%)	2.94	Tinggi
A4 Adakah anda tahu bahawa semua jenis hutang mesti diselesaikan?	34 (95%)	1 (2.5%)	1 (2.5%)	2.92	Tinggi
Purata min keseluruhan				2.78	Tinggi

Secara keseluruhannya, terdapat empat item iaitu A1, A2, A3, dan A4. Bagi kenyataan A1, 84% pelajar bersetuju dengan memilih 'Ya'. Kebanyakan dari mereka tahu untuk menguruskan kewangan dengan membuat anggaran belanja. Untuk kenyataan A2, 62% pelajar memberi respon 'Ya'. Sebanyak 28% tidak pasti tentang peranan insurans dalam melindungi harta dan kebajikan kewangan, manakala 12% tidak tahu tentang perkara ini. Bagi item A3, hampir kesemua pelajar, iaitu sebanyak 98% bersetuju bahawa sangat penting untuk membina simpanan kecemasan untuk menghadapi keadaan yang tidak dijangka. Manakala untuk item A4, 95% pelajar tahu bahawa hutang perlu diselesaikan.

Keempat-empat item menunjukkan skor purata yang tinggi iaitu melebihi nilai interpretasi 2.36. Walaubagaimanapun, untuk item A2, skor min adalah yang terendah iaitu sebanyak 2.50. Dapat dirumuskan bahawa kefahaman para pelajar tentang peranan perlindungan insurans bagi melindungi harta benda dan kebajikan kewangan adalah yang paling rendah berbanding pernyataan yang lain. Ini memberi gambaran bahawa kebanyakan pelajar tidak pasti tentang ilmu berkaitan insurans.

#### 4.3 Objektif 2: Tahap Kesedaran Menabung

Jadual 4 menunjukkan skor min. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kesedaran untuk menabung di kalangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek keusahawanan berada pada tahap yang tinggi dan penerangan adalah seperti di dalam jadual di bawah.

**Jadual 4:** Tahap Kesedaran Menabung di Kalangan Pelajar

Pernyataan	Frekuensi			Skor Min	Tahap
	Ya	Tidak Pasti	Tidak		
B1 Adakah anda mengamalkan menabung secara konsisten setiap minggu/bulan?	9 (25%)	23 (64%)	4 (11%)	2.14	Sederhana
B2 Adakah anda mempunyai kesedaran tentang pentingnya menyimpan duit bagi tujuan jangka masa panjang?	35 (98%)	0 (0)	1 (2%)	2.94	Tinggi
B3 Adakah anda mempunyai tujuan menyimpan duit, seperti membeli rumah atau berkahwin?	32 (89%)	1 (2%)	3 (9%)	2.81	Tinggi
B4 Adakah anda mengamalkan untuk menyimpan duit terlebih dahulu sebelum berbelanja?	24 (67%)	10 (28%)	2 (5%)	2.61	Tinggi
<b>Purata min keseluruhan</b>				<b>2.63</b>	<b>Tinggi</b>

Secara keseluruhannya, terdapat empat item iaitu B1, B2, B3, dan B4. Untuk item B1, hanya 25% pelajar mengamalkan aktiviti menabung secara konsisten setiap minggu/bulan. Sebanyak 64% tidak pasti jika mereka boleh menabung, dan 11% menyatakan mereka tidak menabung. Walaupun begitu, 98% iaitu hampir keseluruhan pelajar bersetuju untuk item B2, bahawa mereka mempunyai kesedaran tentang pentingnya menyimpan duit untuk tujuan jangka panjang. Bagi item B3, 89% pelajar bersetuju mereka mempunyai tujuan jika menyimpan duit, manakala 9% tidak mempunyai tujuan untuk menyimpan duit. Item B4 menunjukkan sebanyak 67% pelajar mengamalkan untuk menyimpan duit terlebih dahulu

sebelum berbelanja, manakala 28% menyatakan tidak pasti jika mereka akan menyimpan terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu, dan 5% tidak menyimpan terlebih dahulu sebelum membeli sesuatu.

Tiga item di dalam jadual 4, iaitu B2, B3, dan B4 menunjukkan bacaan skor min pada tahap tinggi. Hanya item B1, iaitu 'Adakah anda mengamalkan menabung secara konsisten setiap minggu/bulan' menunjukkan bacaan skor min yang sederhana iaitu sebanyak 2.14. Ini menunjukkan bahawa amalan menabung masih perlu dipertingkatkan dalam kalangan pelajar.

#### 4.4 Objektif 3: Tahap Kesedaran Berhemah Dalam Berbelanja

Jadual 5 menunjukkan skor min. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kesedaran untuk berhemah dalam berbelanja di kalangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek keusahawanan berada pada tahap yang tinggi dan penerangan adalah seperti di dalam jadual di bawah.

**Jadual 5:** Tahap Kesedaran Berbelanja dengan Berhemah di Kalangan Pelajar

Pernyataan	Frekuensi			Skor Min	Tahap
	Ya	Tidak Pasti	Tidak		
C1 Adakah anda akan membeli sesuatu barang untuk memastikan anda mengikuti trend terkini seperti makanan atau gadget?	3 (9%)	19 (53%)	14 (38%)	1.69	Sederhana
C2 Adakah anda membuat anggaran perbelanjaan bulanan untuk mengawal penggunaan wang anda?	22 (62%)	11 (31%)	3 (7%)	2.53	Tinggi
C3 Adakah anda membandingkan harga dan mencari penawaran terbaik sebelum membuat pembelian?	31 (87%)	4 (12%)	1 (1%)	2.83	Tinggi
C4 Adakah anda mengamalkan untuk menyimpan dan mengumpul duit sebelum membuat pembelian yang besar?	29 (81%)	5 (14%)	2 (5%)	2.75	Tinggi
<b>Purata min keseluruhan</b>				<b>2.45</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 5 menunjukkan item C1 dimana pelajar menyatakan bahawa 53% tidak pasti bahawa mereka perlu memastikan untuk mengikuti trend terkini jika ingin membuat pembelian. 38% pelajar pula menyatakan tidak kepada kenyataan itu, dan 9% lagi sentiasa mengikuti trend terkini jika mereka ingin membeli sesuatu. Bagi item C2, 62% pelajar menyatakan Ya dimana mereka membuat anggaran perbelanjaan bulanan untuk mengawal penggunaan wang mereka. 31% pelajar tidak pasti jika mereka ada membuat anggaran perbelanjaan, dan 7% pelajar tidak membuat anggaran perbelanjaan. Untuk item C3, kebanyakan pelajar, 87% membuat perbandingan harga dan mencari penawaran harga terbaik sebelum membuat sebarang pembelian. Bagi item C4, kebanyakan pelajar, 81% mengamalkan untuk menyimpan dan mengumpul duit sebelum membuat sebarang pembelian yang besar.

Secara keseluruhannya, tiga item iaitu C2, C3, dan C4 menunjukkan bacaan skor min yang tinggi. Manakala untuk item C1, bacaan skor min menunjukkan bacaan yang sederhana iaitu 1.69. Ini memberi gambaran bahawa para pelajar tidak terlalu mengikut trend terkini apabila membuat pembelian.

#### 4.6 Objektif 4: Tahap Kesedaran Tentang Kepentingan Ilmu Pengurusan Kewangan Pelajar

Jadual 6 menunjukkan skor min. Analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kesedaran tentang kepentingan ilmu pengurusan kewangan pelajar teknikal di Kolej Komuniti Batu Pahat yang mengambil subjek keusahawanan berada pada tahap yang tinggi dan penerangan adalah seperti di dalam jadual di bawah.

**Jadual 6:** Tahap Kesedaran Tentang Kepentingan Ilmu Pengurusan Kewangan Pelajar

Pernyataan	Frekuensi			Skor Min	Tahap
	Ya	Tidak Pasti	Tidak		
D1 Adakah anda sedar akan pentingnya memiliki ilmu tentang pengurusan kewangan?	34 (95%)	1 (2.5%)	1 (2.5%)	2.92	Tinggi
D2 Adakah anda tahu akan risiko-risiko yang berkaitan dengan keputusan kewangan yang tidak bijak?	30 (84%)	3 (8%)	3 (8%)	2.75	Tinggi
D3 Adakah anda tahu pentingnya merancang masa depan kewangan, seperti merancang untuk keperluan menghadapi kehidupan selepas tamat belajar, persediaan persaraan atau tujuan yang lain?	33 (92%)	2 (6%)	1 (2%)	2.89	Tinggi
D4 Adakah anda sedar bahawa program dan aktiviti kolej yang membantu meningkatkan ilmu pengurusan kewangan adalah bermanfaat untuk diri dan masa depan?	33 (92%)	1 (3%)	2 (5%)	2.86	Tinggi
<b>Purata min keseluruhan</b>				<b>2.86</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan item D1 dan kebanyakan pelajar, 95% menyatakan 'Ya' bahawa mereka sedar akan pentingnya memiliki ilmu pengurusan kewangan. Untuk item D2, 84% pelajar mempunyai pengetahuan tentang risiko-risiko yang berkaitan dengan keputusan kewangan yang tidak bijak. Bagi item D3, kebanyakan pelajar, 92% tahu bahawa pentingnya untuk merancang masa depan kewangan bagi menghadapi kehidupan selepas tamat belajar. Untuk item D4, 92% pelajar sedar bahawa program dan aktiviti kolej membantu meningkatkan ilmu pengurusan kewangan dan ianya bermanfaat untuk mereka.

Secara keseluruhannya, semua item iaitu D1, D2, D3, dan D4 menunjukkan bacaan skor min yang tinggi. Untuk item D2, bacaan min adalah yang terendah iaitu sebanyak 2.75. Ini memberi gambaran bahawa para pelajar mempunyai pemahaman asas tentang risiko kewangan berkaitan keputusan yang tidak bijak walaupun mereka masih belum mempunyai pengalaman dalam membuat keputusan kewangan yang baik.

## 5.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan dari kaji selidik ini menunjukkan bahawa responden yang dipilih menunjukkan tahap literasi kewangan yang tinggi. Ini adalah kerana para pelajar telah mendapat pendedahan kepada ilmu asas kewangan kerana telah mengikuti subjek Keusahawanan di kolej. Para pelajar tahu bahawa kemahiran membuat anggaran perbelanjaan adalah penting untuk membantu mereka mengurus kewangan. Mereka setuju bahawa insurans turut memainkan peranan dalam perlindungan harta benda dan kebajikan. Mereka juga setuju bahawa membina dana kecemasan adalah satu perkara yang perlu dilakukan untuk jangka masa yang panjang. Mereka turut bersetuju bahawa setiap hutang yang pelajar ada juga perlu diselesaikan. Walaubagaimanapun, para pelajar didapati masih belum mampu untuk mempraktikkan kefahaman kewangan masing-masing dengan lebih berkesan kerana aktiviti dan subjek mereka di kolej hanyalah diperingkat pendedahan kepada ilmu asas kewangan. Ini memberikan gambaran bahawa aktiviti pengurusan kewangan yang sesuai boleh dirancang dan dilaksanakan untuk membantu para pelajar untuk mempraktikkan ilmu asas kewangan mereka.

Hasil kajian juga mendapati bahawa para pelajar mempunyai tahap kesedaran menabung yang tinggi. Kebanyakan dari mereka setuju bahawa amalan menabung perlu dilaksanakan secara berterusan dan penting untuk mereka menyimpan duit untuk tabung kecemasan dan masa depan. Hampir keseluruhan mereka bersetuju bahawa untuk mencapai matlamat, mereka perlu memulakan langkah untuk membuat tabungan awal serta mengamalkan simpan dahulu sebelum berbelanja. Walaupun begitu, mereka masih belum dapat mempraktikkan sepenuhnya amalan menabung dan kurang berpengalaman dalam menguasai teknik menabung yang praktikal. Pihak kolej boleh melaksanakan aktiviti yang berkaitan tips dan praktikal menabung untuk membantu para pelajar memulakan langkah menyimpan.

Skop kajian seterusnya mendapati bahawa para pelajar mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang keperluan berbelanja dengan berhemah. Para pelajar setuju bahawa mereka tidak perlu terlalu mengikuti trend. Walaubagaimanapun, sebahagian mereka tetap mengikuti trend bagi sebarang pembelian. Ini mungkin kerana pengaruh rakan dan media massa. Mereka juga bersetuju bahawa perbelanjaan bulanan perlu dikawal untuk memastikan pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan baik. Kebanyakan mereka juga bersetuju bahawa aktiviti membandingkan harga sebelum membuat sebarang pembelian adalah amalan yang baik untuk menguruskan kewangan. Majoriti juga bersetuju bahawa mereka mengamalkan menyimpan dan mengumpul duit sebelum membuat sebarang pembelian yang besar. Ini memberikan gambaran kepada pihak kolej agar aktiviti memupuk kesedaran perbelanjaan berhemah boleh dikekalkan dan dipertingkatkan.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa tahap kesedaran para pelajar tentang pentingnya ilmu pengurusan kewangan berada di paras tinggi. Ini disebabkan oleh mereka telah didedahkan dengan ilmu asas pengurusan kewangan semasa mengikuti kelas Keusahawanan. Secara umumnya para pelajar bersetuju bahawa ilmu pengurusan kewangan adalah penting dan boleh membantu mereka dalam membuat keputusan kewangan yang bijak. Mereka juga sedar bahawa perancangan kewangan adalah penting untuk masa depan mereka. Mereka turut bersetuju bahawa program dan aktiviti kolej yang berkaitan pengurusan kewangan dapat membantu mereka meningkatkan ilmu dan kefahaman dalam pengurusan kewangan.

## 6.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

Merujuk kepada perbincangan di dalam dapatan kajian, dapat dirumuskan bahawa tahap literasi kewangan para pelajar teknikal yang mengambil subjek Keusahawanan di Kolej Komuniti Batu Pahat adalah pada tahap yang tinggi. Hal ini merujuk kepada skor min yang diperoleh daripada aspek-aspek yang telah dikaji. Berdasarkan hasil kajian juga telah memberi gambaran bahawa kolej boleh menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan peluang pelajar untuk mempraktikkan ilmu keusahawanan yang mereka pelajari seperti cara untuk menabung secara konsisten, aktiviti membuat keputusan sebelum melaksanakan pembelian, akrobat jika tidak merancang kewangan dengan baik, dan juga taklimat bersesuaian untuk meningkatkan kefahaman tentang peranan insurans dan kepentingan membina tabungan untuk masa depan.

Kerana kekangan masa dan kewangan, kajian rintis ini hanyalah bertujuan meninjau tahap literasi kewangan para pelajar yang telah mengambil subjek Keusahawanan di Kolej Komuniti Batu Pahat. Untuk kajian lanjutan di masa akan datang, adalah disarankan untuk pengkaji meneruskan kajian dengan mengambil kira data sampel yang lebih besar dan menjalankan perbandingan antara tahap kesungguhan mempraktikkan dengan tahap ilmu kewangan pelajar.

### Rujukan

Abd Majid, M. Z., Isa, N. F., Zin, W. M., & Ahmad, A. R. (2015). Projek Keusahawanan dan Hubungan dengan Literasi Kewangan Pelajar Universiti.

Ahmad, N., & Ismail, R. (2021). Pengaruh literasi kewangan terhadap kesedaran risiko pelajar kolej. *Jurnal Keusahawanan dan Kewangan*, 17(2), 32-45.

Ahmad, R., Ariffin, N. A., & Aziz, H. A. (2019). The Importance of Financial Literacy among University Students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(5), 1-11.

Aziz, S., & Rahim, A. (2018). Tahap literasi kewangan pelajar kolej di Malaysia. *Jurnal Kewangan dan Ekonomi*, 12(2), 45-56.

Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hassan, J. (2022). Tahap Literasi Kewangan, Masalah Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Ulwan*, 7(2), 173-190.

Bujang, M. A., Ghani, P. A., Zolkepli, N. A., Adnan, T. H., Ali, M. M., Selvarajah, S., & Haniff, J. (2012). A comparison between convenience sampling versus systematic sampling in getting the true parameter in a population: explore from a clinical database: The Audit Diabetes Control Management (ADCM) registry in 2009, pp. 499-503, 2012 International Conference on Statistics in Science, Business and Engineering, ICSSBE 2012, Langkawi, Kedah, Malaysia, 10-12 September 2012.

Chen, H., & Volpe, R. P. (2018). An Analysis of Personal Financial Literacy among College Students. *Financial Services Review*, 27(3), 291-305.

Ghafar, M.N.A. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Jabatan Insolvensi Malaysia. (2020). *Statistik Kebankrapan 2020*. Dimuat turun Julai 28, 2023, daripada <https://www.mdi.gov.my/images/documents/Statistics/Bankruptcy/BRIEFNOTEKEBANKRAPANDISEMBER2020.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Household Income & Basic Amenities Survey Report 2019*. Dimuat turun Jun 12, 2023, daripada [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebycat&cat=120&bul\\_id=tu00tmrhq1n5tuxhvw0t2vjbxjyzz09&menu\\_id=amrvowu54utl0a21nwmhdhmfjnmwcyzz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebycat&cat=120&bul_id=tu00tmrhq1n5tuxhvw0t2vjbxjyzz09&menu_id=amrvowu54utl0a21nwmhdhmfjnmwcyzz09)

- Kassim, N. B. M., Sidek, S. B. M., & Mohamed, N. M. B. (2022). Amalan Dan Masalah Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Semenanjung Malaysia. [http://repository.psa.edu.my/bitstream/123456789/3889/1/itars%20\\_amalan%20dan%20masalah%20kewangan%20dalam%20kalangan%20pekerja%20semenanjung\\_sarizun%20mohd%20sidek.pdf](http://repository.psa.edu.my/bitstream/123456789/3889/1/itars%20_amalan%20dan%20masalah%20kewangan%20dalam%20kalangan%20pekerja%20semenanjung_sarizun%20mohd%20sidek.pdf)
- Klar, S., & Leeper, T. J. (2019). Identities and intersectionality: A case for purposive sampling in survey-experimental research. John Wiley & Sons.
- Lim, H. Y., & Zainol, N. A. (2017). The Importance of Financial Literacy among University Students in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 5(1), 18-25.
- Lim, C. S., & Othman, R. (2020). Amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar kolej. *Jurnal Pendidikan Kewangan*, 8(1), 112-125.
- Mohamad, M., Zainuddin, Y., & Rahman, N. A. (2020). Financial Literacy and Financial Behavior Among Undergraduate Students in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 8(2), 27-38.
- Norani, M. N. (2011). Kecenderungan pelajar-pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan. [http://eprints.utm.my/id/eprint/11975/1/Kecenderungan\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11975/1/Kecenderungan_Pelajar.pdf)
- Konting, M. M. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Idris, N. (2013). Penyelidikan Dalam Pendidikan. Shah Alam: McGraw Hill Education
- Othman, N., & Mohamad, S. (2020). Financial Literacy and Financial Behavior Among College Students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(1), 136-151.
- Rashid, A., & Bakar, N. (2019). Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Kewangan*, 5(2), 20-35.
- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Ghani, M. F. A. (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan. *JuPiDi: Jurnal Keptimptnan Pendidikan*, 5(3), 10-33.
- Mutalib, S. (2013). Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno-Social*, 5(1).
- Saunders, M., & Lewis, P. & Thornhill, A. (2009). *Research Methods for Business Students*.
- Tan, H. S., & Wong, L. K. (2022). Persepsi pelajar terhadap pentingnya literasi kewangan dalam pendidikan tinggi. *Jurnal Pendidikan Tinggi*, 20(4), 67-80.
- Yusof, F., & Abdullah, M. (2019). Pengaruh literasi kewangan terhadap keputusan pembelian pelajar kolej. *Jurnal Pengurusan dan Pemasaran*, 15(3), 78-90.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: Development of Higher Psychological Processes* (M. Cole, V. Jolm-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds.). Harvard University Press. <https://doi.org/10.2307/j.ctvj9vz4>
- Zahari, S. A., & Wahid, H. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 23(1).

- Kassim, N. B. M., Sidek, S. B. M., & Mohamed, N. M. B. (2022). Amalan Dan Masalah Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Semenanjung Malaysia. [http://repository.psa.edu.my/bitstream/123456789/3889/1/itars%20\\_amalan%20dan%20masalah%20kewangan%20dalam%20kalangan%20pekerja%20semenanjung\\_sarizun%20mohd%20sidek.pdf](http://repository.psa.edu.my/bitstream/123456789/3889/1/itars%20_amalan%20dan%20masalah%20kewangan%20dalam%20kalangan%20pekerja%20semenanjung_sarizun%20mohd%20sidek.pdf)
- Klar, S., & Leeper, T. J. (2019). Identities and intersectionality: A case for purposive sampling in survey-experimental research. John Wiley & Sons.
- Lim, H. Y., & Zainol, N. A. (2017). The Importance of Financial Literacy among University Students in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 5(1), 18-25.
- Lim, C. S., & Othman, R. (2020). Amalan pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar kolej. *Jurnal Pendidikan Kewangan*, 8(1), 112-125.
- Mohamad, M., Zainuddin, Y., & Rahman, N. A. (2020). Financial Literacy and Financial Behavior Among Undergraduate Students in Malaysia. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 8(2), 27-38.
- Norani, M. N. (2011). Kecenderungan pelajar-pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan. [http://eprints.utm.my/id/eprint/11975/1/Kecenderungan\\_Pelajar.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11975/1/Kecenderungan_Pelajar.pdf)
- Konting, M. M. (2004). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Idris, N. (2013). Penyelidikan Dalam Pendidikan. Shah Alam: McGraw Hill Education
- Othman, N., & Mohamad, S. (2020). Financial Literacy and Financial Behavior Among College Students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(1), 136-151.
- Rashid, A., & Bakar, N. (2019). Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Kewangan*, 5(2), 20-35.
- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Ghani, M. F. A. (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan. *JuPiDi: Jurnal Keptimptnan Pendidikan*, 5(3), 10-33.
- Mutalib, S. (2013). Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno-Social*, 5(1).
- Saunders, M., & Lewis, P. & Thornhill, A. (2009). *Research Methods for Business Students*.
- Tan, H. S., & Wong, L. K. (2022). Persepsi pelajar terhadap pentingnya literasi kewangan dalam pendidikan tinggi. *Jurnal Pendidikan Tinggi*, 20(4), 67-80.
- Yusof, F., & Abdullah, M. (2019). Pengaruh literasi kewangan terhadap keputusan pembelian pelajar kolej. *Jurnal Pengurusan dan Pemasaran*, 15(3), 78-90.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: Development of Higher Psychological Processes* (M. Cole, V. Jolm-Steiner, S. Scribner, & E. Souberman, Eds.). Harvard University Press. <https://doi.org/10.2307/j.ctvj9vz4>
- Zahari, S. A., & Wahid, H. (2020). Literasi kewangan dan kesannya terhadap gelagat perbelanjaan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 23(1).

## TREND PEMILIHAN TAJUK PROJEK AKHIR PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT DI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2

Nurul Shuhaila Hasma Binti Sharif<sup>1</sup>  
Norazila Binti Samuri<sup>1</sup>  
Siti Nurr Hidayah Binti Mohd Sanif<sup>1</sup>

Kolej Komuniti Segamat 2<sup>1</sup>,  
[shuhailahasma@kksegamat2.edu.my](mailto:shuhailahasma@kksegamat2.edu.my)

### Abstrak

Projek akhir adalah merupakan antara penilaian yang penting dalam kehidupan akademik pelajar, termasuk pelajar di dalam bidang Teknologi Maklumat. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran praktikal mereka dengan menyelesaikan masalah kehidupan sebenar. Projek tahun akhir juga mempunyai kesan yang besar terhadap prospek kerjaya pelajar, menjadikannya penting untuk memilih projek yang tepat. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenalpasti trend pemilihan tajuk projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat Kolej Komuniti Segamat 2 bagi tahun 2021 hingga 2023 serta mengenalpasti faktor yang mempengaruhi para pelajar untuk memilih tajuk projek akhir tersebut. Responden kajian adalah terdiri daripada semua pelajar Sijil Teknologi Maklumat yang telah mengambil Modul Projek (STM 30294 atau STM 3044) bagi tahun 2021 hingga 2023. Metodologi kajian adalah merupakan kuantitatif yang menggunakan soalan selidik dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kategori yang paling banyak dipilih oleh pelajar adalah aplikasi mudah alih (Mobile apps) berbanding kategori yang lain seperti Internet of Things (IOT), sistem dan laman web. Manakala bagi faktor pula, faktor rakan di dalam kuliah yang sama (classmate) merupakan faktor yang paling tinggi mempengaruhi seseorang pelajar untuk memilih suatu tajuk. Manakala faktor lain pula terdiri daripada masa yang terhad, platform atau perisian yang mudah, kos yang rendah, faktor bidang pengkhususan penyelia (supervisor), dan sumber rujukan yang mudah diperolehi. Justeru, para pelajar perlu dibimbing sejak dari awal lagi agar pemilihan tajuk yang tepat menjadi keutamaan bagi mereka seterusnya dapat meningkatkan tahap keyakinan mereka dalam pembangunan projek akhir. Kesimpulannya, proses pemilihan tajuk perlu diberi perhatian oleh para pelajar agar projek akhir yang dibangunkan bukan sahaja menepati piawaian yang telah ditetapkan, bahkan dapat dijadikan solusi oleh masyarakat.

*Kata Kunci:* Trend pemilihan, projek akhir, aplikasi mudah alih.

### 1. PENGENALAN

Projek akhir pelajar merupakan salah satu kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar kolej komuniti bagi memenuhi syarat untuk melengkapkan Sijil Teknologi Maklumat. Modul Projek (STM 30294) merupakan modul yang diambil oleh pelajar semester akhir Sijil Teknologi Maklumat. Matlamat projek akhir adalah untuk mengintegrasikan pengetahuan teori, praktikal dan afektif yang dipelajari semasa mengikuti program pengajian di dalam kampus dan seterusnya mengaplikasikan pengetahuan melalui penyelesaian masalah serta pemikiran kreatif bagi melahirkan graduan yang kompeten sebelum melangkah ke alam pekerjaan. (Buku Panduan Pelaksanaan Projek Pelajar (Pelajar Diploma) Kolej Komuniti, 2021).

Projek akhir pelajar sijil adalah berbeza daripada projek akhir pelajar diploma, namun panduan yang dirujuk adalah sama iaitu Buku Panduan Pelaksanaan Projek Pelajar (Pelajar Diploma) Kolej Komuniti Edisi 2021. Projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat adalah meliputi aplikasi kepada teori dan kemahiran yang telah dipelajari sepanjang perkuliahan mereka dan jam kredit bagi modul projek adalah sebanyak 4.0 jam sahaja berbanding pelajar di peringkat diploma di mana jam kredit bagi modul Projek adalah lebih Panjang dan perlu diambil sepanjang dua semester.

## Penyataan Masalah

Kaedah pemilihan tajuk projek akhir yang sesuai telah diterangkan kepada para pelajar, namun sekurang-kurangnya 40% daripada pelajar memilih kategori yang sama dalam pemilihan tajuk projek akhir. Data ini menunjukkan kurangnya variasi dalam kategori yang dipilih di dalam tajuk projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM). Terdapat juga pelajar yang membangunkan projek akhir yang tidak menepati kehendak industri masa kini, tidak memberi perhatian kepada proses kajian awal (*preliminary study*) dan namun masih lagi terdapat para pelajar yang memilih tajuk kerana terikut dengan rakan-rakan di dalam bidang teknologi maklumat itu sendiri. Kebanyakan pelajar masih memilih untuk membangunkan projek yang berteraskan *stand alone* ataupun yang tidak mempunyai kaitan dengan aplikasi masa sebenar (*real-time application*) yang sememangnya tidak sejajar dengan kehendak industri masa kini. Terdapat juga pelajar yang tidak memberi perhatian kepada proses kajian awal (*preliminary study*) dan bertindak sambil lewa dalam pemilihan tajuk projek akhir mereka. Justeru, satu kajian ilmiah perlu dilaksanakan untuk melihat trend pemilihan tajuk projek akhir di kalangan pelajar Sijil Teknologi Maklumat Kolej Komuniti Segamat 2 dan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar dalam pemilihan tajuk projek akhir tersebut.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti trend pemilihan tajuk projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat di KKS2. Objektif kajian adalah :

- a) Menenalpasti trend pemilihan tajuk projek akhir bagi tahun 2021 hingga 2023.
- b) Menenalpasti faktor yang mempengaruhi kepada pemilihan tajuk projek akhir bagi tahun 2021 hingga 2023

## 2. KAJIAN LITERATUR

Pemilihan tajuk projek akhir pelajar merupakan aspek yang penting sebelum pelajar meneruskan pembangunan projek akhir mereka. Tajuk projek akhir pelajar yang tiada variasi menyebabkan kebanyakan pelajar hanya memilih kategori yang sama untuk membangunkan projek akhir mereka (T.S.M.T Wook et al, 2011) Pemilihan tajuk projek pelajar terbahagi kepada empat kategori utama iaitu meliputi laman web, sistem atau aplikasi desktop, *Internet of Things* (IOT), dan aplikasi mudah alih. Jadual 1 menunjukkan kategori projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat dan penerangan bagi setiap kategori. Setiap kategori merupakan rangkuman daripada modul yang telah dipelajari oleh pelajar sepanjang pengajian mereka di kolej komuniti.

Jadual 1 : Kategori Projek Pelajar Sijil Teknologi Maklumat

Kategori	Penerangan	Contoh
Laman web (Website)	Merupakan halaman yang mengandungi beberapa imej, video dan komponen digital lain. Pembangunan helaian web yang baik pastinya dapat menarik pengguna baru dan mengekalkan pengguna yang sedia ada. (Allison et al, 2019)	e-Learning e-Magazine e-Games

Kategori	Penerangan	Contoh
Internet of Things (IOT)	Merupakan adalah paradigma baharu yang membolehkan alat dan sensor elektrik berkomunikasi antara satu sama lain melalui internet untuk memudahkan kehidupan manusia. (Sachin et al, 2019)	Smart home Smart agriculture Smart security system
Aplikasi mudah alih (Mobile Application)	Aplikasi mudah alih yang meliputi perisian aplikasi yang dibangunkan untuk diinstalasi di dalam peranti mudah alih bagi membantu melancarkan kehidupan manusia. (Asad M et al, 2022)	e-Zakat e- Jawi Aplikasi tempah makanan
Sistem atau Aplikasi Desktop	Merupakan aplikasi perisian yang dibangunkan yang mengandungi perisian dan perkakasan yang menyokong aplikasi intensif data, pemrosesan dan capaian data. Kebiasaanya melibatkan pangkalan data dan sistem juga dapat membantu untuk penghasilan kepada sesuatu keputusan (decision making)  (Edwita et al, 2017; Bogopa et al, 2022)	Sistem Peminjaman Peralatan ICT Sistem Kehadiran KoKurikulum

### 3. METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Manakala instrumen yang digunakan adalah item soal selidik yang diadaptasi daripada kajian-kajian yang terdahulu. Soal selidik yang digunakan adalah untuk mendapatkan senarai tajuk projek akhir pelajar Sijil Teknologi Maklumat dari tahun 2021 hingga 2023 dan mengenalpasti faktor yang mempengaruhi para pelajar memilih tajuk projek akhir masing-masing. Bahagian yang terdapat di dalam soal selidik adalah Bahagian A (Demografi responden), dan Bahagian B (Faktor yang mempengaruhi pemilihan tajuk projek akhir). Responden kajian adalah terdiri daripada 65 orang pelajar Sijil Teknologi Maklumat yang telah mengambil modul Projek Akhir bagi tahun 2021 hingga 2023. Soal selidik menggunakan skala likert 5 mata telah diedarkan secara atas talian kepada responden. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis menggunakan perisian menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 23.

#### 4. DAPATAN KAJIAN

##### Latar belakang responden.

Responden kajian ini terdiri daripada daripada semua pelajar Sijil Teknologi Maklumat yang telah mengambil Modul Projek (STM 30294 atau STM3044) di Kolej Komuniti Segamat 2 dari tahun 2021 hingga 2023 iaitu seramai 65 orang. Jadual 2 menunjukkan maklumat terperinci bagi demografi responden.

Jadual 2: Demografi responden

Item		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	29	45.00 %
	Wanita	36	55.00 %

Berdasarkan Jadual 2 di atas, 45% responden terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 55% adalah pelajar perempuan. Data yang diperolehi seterusnya dianalisis seperti yang terdapat di dalam Rajah 1.



Rajah 1 Peratus pemilihan tajuk projek pelajar Sijil Teknologi Maklumat mengikut kategori.

Berdasarkan Rajah 1, dapatan kajian menunjukkan kategori tertinggi yang menjadi pilihan pelajar untuk pemilihan tajuk projek akhir adalah Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps) di mana keseluruhan nilai adalah sebanyak 45.8% dan diikuti oleh Laman web (Website) sebanyak 35.6%. Manakala bagi kategori IOT, sebanyak 10.1% memilih kategori IOT sebagai tajuk projek akhir dan akhir sekali adalah sistem iaitu sebanyak 8.5% sahaja.

Manakala bagi trend pemilihan tajuk projek akhir mengikut tahun pula merujuk kepada Rajah 2. Sebanyak 37% pelajar memilih kategori website bagi tahun 2021, seterusnya 17% pada tahun 2022 dan terdapat peningkatan pada tahun 2023 iaitu sebanyak 47% yang memilih kategori ini untuk tajuk projek akhir mereka. Seterusnya, bagi tahun 2022, sebanyak 41% yang memilih kategori Mobile Apps, diikuti dengan 37% bagi kategori Website dan sebanyak 22% yang memilih kategori IOT sebagai tajuk projek akhir. Tiada pelajar yang memilih untuk membangunkan sistem pada tahun tersebut. Bagi tahun

2023, terdapat dua sahaja kategori yang menjadi pilihan pelajar iaitu Website yang meliputi 33% dan juga Mobile apps yang meliputi 67%.



Rajah 2 Peratus pemilihan tajuk projek pelajar Sijil Teknologi Maklumat mengikut kategori dari tahun 2021 hingga 2023.

Kebanyakan pelajar yang mengambil modul projek akhir sepanjang tahun 2021 hingga 2023 lebih selesa untuk memilih tajuk dan membangunkan projek akhir secara individu berbanding kumpulan sepertimana yang digambarkan di dalam Rajah 3.



Rajah 3 Peratus pemilihan tajuk projek pelajar Sijil Teknologi Maklumat mengikut kategori individu dan kumpulan.

#### Faktor yang mempengaruhi pelajar untuk memilih tajuk projek akhir.

Semua responden telah memberikan maklumbalas berkaitan faktor yang mempengaruhi mereka untuk memilih tajuk projek akhir yang terdapat di dalam Bahagian B soal selidik. Dapatan faktor tersebut disenaraikan di dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3 : Faktor yang mempengaruhi pelajar untuk memilih tajuk projek akhir.

No.Item	Faktor- faktor	Peratus (%)
Item 1	Pengaruh rakan-rakan dalam kuliah	30.77
Item 2	Pilih projek yang memerlukan masa singkat untuk siap	27.69
Item 3	Kesukaran untuk menggunakan perisian	12.31
Item 4	Mengambil contoh projek yang dibangunkan oleh pelajar terdahulu (senior)	9.23
Item 5	Sumber rujukan mudah diperolehi seperti internet, youtube, perpustakaan	7.69
Item 6	Mengikut bidang pengkhususan pensyarah penyelia (supervisor)	4.62
Item 7	Mengikut kehendak dan minat dari sendiri	3.08
Item 8	Pembangunan projek melibatkan kos yang rendah	3.08
Item 9	Suka untuk menghadapi cabaran baru menggunakan teknologi baru	1.54
Item 10	Memilih projek yang mempunyai nilai komersial dan boleh menjana pendapatan di masa akan datang	0.00

Berdasarkan data di dalam Jadual 3 , peratus yang tertinggi ialah meliputi faktor rakan-rakan di dalam kuliah yang sama iaitu sebanyak 30.77%, diikuti oleh masa yang singkat dalam membangunkan projek iaitu 27.69% dan sebanyak 12.31% daripada responden bersetuju bahawa kesukaran untuk menggunakan perisian menyebabkan mereka memilih tajuk di kategori lain. Seterusnya, 9.23% responden bersetuju bahawa mereka memilih tajuk projek disebabkan contoh projek yang terdahulu yang dibangunkan adalah lebih mudah untuk dijadikan panduan. Manakala 7.69% responden bersetuju bahawa sumber rujukan yang mudah dicapai seperti di Internet, Youtube dan perpustakaan turut menyumbang kepada pemilihan tajuk projek mereka. Selain itu, peranan pensyarah penyelia juga turut mempengaruhi para pelajar dalam pemilihan tajuk projek disebabkan oleh bidang pengkhususan penyelia yang membimbing mereka. Sebanyak 3.08% daripada responden yang memilih tajuk projek di atas minat dan kehendak mereka sendiri, manakala sebanyak 3.08% daripada responden juga memilih tajuk projek disebabkan kos yang perlu ditanggung. Akhir sekali, hanya 1.54% responden yang memilih tajuk projek disebabkan suka untuk mencabar diri menghadapi teknologi baru dan cabaran baru. Namun, tiada di kalangan responden yang memilih tajuk projek agar projek tersebut dapat dijual atau dikomersialkan. Rajah 3 menunjukkan peratus bagi semua faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih tajuk projek akhir.



Rajah 4 : Faktor yang mempengaruhi pelajar dalam memilih tajuk projek akhir.

## 5. PERBINCANGAN

Melalui kajian yang dijalankan ini, didapati pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM) Kolej Komuniti Segamat 2 lebih cenderung untuk memilih kategori Mobile Apps untuk tajuk projek akhir iaitu sebanyak 45.8% kerana aplikasi mudah alih mampu untuk menarik minat pelajar dan memberikan kelebihan kepada pembangunnya (N.S Ismail, 2018). Faktor lain yang mempengaruhi pelajar untuk memilih kategori Mobile Apps adalah kerana ianya lebih mudah dibina berbanding kategori yang lain dan perisian yang digunakan adalah lebih mudah berbanding kategori yang lain. Pelajar lebih cenderung untuk membangunkan projek mudah tetapi mempunyai kebolegunaan yang tinggi (H.Hassani, 2011). Kebanyakan platform yang digunakan untuk membangunkan aplikasi mudah alih adalah merupakan *drag and drop* dengan penggunaan kemahiran pengaturcaraan yang minima.

Seterusnya adalah kategori laman web (Website) yang menyumbang kepada 35.6 % di mana pelajar yang memilih kategori tersebut atas faktor pengetahuan yang kukuh dan kemahiran yang ada diperolehi dalam modul Pembangunan Laman Web yang telah diambil oleh pelajar pada semester sebelumnya. Proses pembangunan laman web yang mudah dan cepat adalah menggunakan templat yang sedia ada dan mengintegrasikan pangkalan data yang telah dibangunkan (Al-Hawari et al, 2021). Sejar dengan kajian yang telah dijalankan di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin yang menunjukkan pelajar cenderung untuk membangunkan projek yang mudah dan dapat disiapkan dalam tempoh yang munasabah. (M Ramli and N.Sukor, 2018)

Kategori *Internet of Things (IOT)* adalah antara kategori yang rendah dipilih oleh para pelajar untuk penghasilan projek akhir mereka disebabkan beberapa faktor. Faktor kos merupakan faktor yang paling tinggi di mana kebanyakan projek melibatkan IOT memerlukan perkakasan seperti Arduino, Raspberry Pi, Sensor dan Breadboard yang sememangnya melibatkan kos yang agak tinggi. Selain itu, tempoh masa yang diperlukan untuk pembangunan projek IOT juga agak lama kerana ia melibatkan proses instalasi dan konfigurasi yang agak kompleks serta memerlukan kemahiran yang tinggi (CDP Martens, 2022).

Kategori Sistem merupakan kategori terakhir yang dipilih oleh para pelajar STM iaitu sebanyak 17% sahaja di atas faktor tertentu. Sistem dalam konteks ini adalah melibatkan kaedah *stand-alone* atau *off-line* yang kebiasaannya tidak menggunakan capaian internet menyebabkan pelajar kurang berminat untuk memilih kategori ini. Komponen pembangunan sistem juga agak tradisional dan ketinggalan berbanding kategori yang lain. Namun begitu, masih lagi terdapat pelajar yang memilih kategori ini untuk tajuk projek akhir mereka. Ia bercanggah dengan dapatan daripada kajian di PSMZA di mana kebanyakan pelajar berminat untuk membangunkan sistem dengan konteks yang berbeza. (M Ramli and N.Sukor, 2018)

Manakala bagi faktor pula, faktor yang paling mempengaruhi pelajar dalam pemilihan tajuk adalah faktor rakan di dalam kuliah yang sama, projek yang menggunakan tempoh yang singkat, dan kesukaran untuk menggunakan perisian tertentu bagi pembangunan projek. Faktor lain pula adalah mengambil contoh projek yang dibangunkan oleh pelajar terdahulu (*senior*), sumber rujukan mudah diperolehi seperti internet, youtube dan perpustakaan, mengikut bidang pengkhususan pensyarah penyelia (*supervisor*), faktor minat diri sendiri serta kos yang rendah. Selain itu, kesediaan untuk menghadapi cabaran baru dan elemen keusahawanan juga menjadai faktor yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam memilih tajuk projek.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui kajian ini trend pemilihan tajuk projek akhir pelajar STM Kolej Komuniti Segamat 2 dapat dikenalpasti dan melalui kajian ini didapati kategori Mobile Apps adalah kategori utama yang menjadi pilihan pelajar. Ini bersesuaian dengan era Revolusi Industri 4.0 dalam ke arah membina negara yang lebih berdaya saing. Namun begitu, kemudahan untuk pembangunan projek akhir pelajar perlu ditambah baik dari semasa ke semasa. Selain itu, kemahiran dan pengetahuan penyelia pelajar juga perlu dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat pada masa kini agar proses penyeliaan dan pembangunan projek pelajar dapat menghasilkan projek yang lebih berkualiti dan mampu diaplikasikan kepada masyarakat setempat.

## RUJUKAN

- A. Edwita, D. I. Sensuse and H. Noprisson (2017). Critical success factors of information system development projects," 2017 International Conference on Information Technology Systems and Innovation (ICITSI), Bandung, Indonesia, 2017, pp. 285-290, doi: 10.1109/ICITSI.2017.8267958.
- Allison R, Hayes C, McNulty C, Young V.(2019). A Comprehensive Framework to Evaluate Websites: Literature Review and Development of GoodWeb. JMIR Form Res 2019;3(4):e14372, DOI: 10.2196/14372.
- Al-hawari, Feras & Alzoubi, Mai & Barham, Hala & Sararhah, Wael. (2021). The GJU Website Development Process and Best Practices. Journal of Cases on Information Technology. 23. 21-48. 10.4018/JCIT.2021010102.
- Asad, M.M., Naz, A., Shaikh, A. (2022). Investigating the impact of IoT-Based smart laboratories on students' academic performance in higher education. Univ Access Inf Soc <https://doi.org/10.1007/s10209-022-00944-1>
- Bogopa, Moketo Ephraim, & Mamewick, Carl. (2022). Critical success factors in software development projects. South African Computer Journal, 34(1), 1-34. <https://dx.doi.org/10.18489/sacj.v34i1.820>

- Buku Panduan Pelaksanaan Projek Pelajar Kolej Komuniti. (2021). <https://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/garis-panduan/bp-projek-pelajar-diploma-kolej-komuniti-malaysia-kpt-edisi-2021>
- Cristina Dai Prá Martens, Luciano Ferreira da Silva, Deivison Feitosa Silva, Mauro Luiz Martens (2022). Challenges in the implementation of internet of things projects and actions to overcome them, *Technovation*, Volume 118, 2022, 102427, ISSN 0166-4972, <https://doi.org/10.1016/j.technovation.2021.102427>.
- H. Hassani (2012) *How to do the Final Year Projects: A Practical Guideline for Computer Science and IT Students*.
- Kumar, S., Tiwari, P. & Zymbler, M. (2019). Internet of Things is a revolutionary approach for future technology enhancement: a review. *J Big Data* 6, 111. <https://doi.org/10.1186/s40537-019-0268-2>
- Mastura Ramli, Nuradilah Sukor (2018). Trend Pemilihan Tajuk Projek Akhir bagi Pelajar Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) di Politeknik. <https://doi.org/10.10801/rs.0600011>
- Nurul Syazwani Ismail, Jamalludin Harun, Megat Aman Zahuri Megat Zakaria, Shaharuddin Md. Salleh (2018) The effect of Mobile problem-based learning application DicScience PBL on students' critical thinking, *Thinking Skills and Creativity*, Volume 28, 2018, Pages 177-195, ISSN 1871-1871, <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2018.04.002>.
- T. S. M. T. Wook, N. M. Ali, M. Mohd, S. Saad, J. Salim, A. Yahya, S. M. Arif, L. Q. Zakaria, A. Ismail, S. F. M. Noor, and N. A. M. Zin (2012) "Trends in the Final Year Project for Multimedia Undergraduate Programme: Supervisory Experience," *Procedia - Soc. Behav. Sci.*, vol. 59, pp. 399-405, 2012.



# *Sekalung* **PENGHARGAAN**

**KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2  
KOLEJ KOMUNITI BATU PAHAT  
KOLEJ KOMUNITI PASIR GUDANG  
PUSAT PENYELIDIKAN INOVASI (PPI) JPPKK**

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Seminar Penyelidikan Pantas Wilayah Johor 2023.

# Sidang EDITOR



*Penasihat*  
**DR ALI BIN SIS**



*Pengerusi 1*  
**FAUZIAH BINTI JAAFFAR**



*Pengerusi 11*  
**SANUZÉE BINTI SHAFIE**



*Koordinator Editor*  
**HERRYANNI BINTI ABDULLAH**



*Ketua Editor*  
**ROSILAWATI BINTI  
MASDAR**



*Editor*  
**NORIDA BINTI  
NASIM**



*Editor*  
**TS NURUL ASHIKIN BINTI ABD  
SAMAD**



*Editor*  
**AZEAN IRDAWATY BINTI MD  
YUSOF**



*Editor*  
**MOHAMAD NAZIR BIN  
BAHARUDIN**

E-PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN PANTAS WILAYAH JOHOR 2023

e ISBN 978-967-16495-5-8



9 789671 649558

KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

(online)